




LAPORAN TAHUNAN IKIM

INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA / INSTITUTE OF ISLAMIC UNDERSTANDING MALAYSIA

2020



INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA
INSTITUTE OF ISLAMIC UNDERSTANDING MALAYSIA
199201002928 (234432-H)

2, Langgak Tunku, Off Jalan Tuanku Abdul Halim
50480 Kuala Lumpur, MALAYSIA
Tel: +603-6204 6200 Faks: +603-6201 4189
www.ikim.gov.my

KANDUNGAN

	PERKARA	MUKA SURAT
Kenyataan Pengerusi		2
Kenyataan Eksekutif Ketua Pengarah		4
Ahli Lembaga Pengarah		10
Bab 1 Penyampaian Kefahaman Islam Berkanaan Isu Semasa		16
Bab 2 Kesan Dan Manfaat Ke Atas Radio & tvIKIM		32
Bab 3 Penyelidikan		74
Bab 4 Penerbitan		82
Bab 5 Perpustakaan		96
Bab 6 Pengiktirafan/Anugerah Dan Statistik Penting 2020		104
Maklumat Korporat		109
Penyata Kewangan		129

KENYATAAN PENGERUSI

Pada tahun 2020, dunia telah dikejutkan dengan penularan pandemik Coronavirus 2019 (Covid-19).

Walaupun IKIM turut terkesan, namun amanah terhadap negara tetap diteruskan. Program-program akademik, radio dan tvIKIM diteruskan secara dalam talian.

Negara-negara Islam, termasuk negara kita menghadapi berbagai cabaran, seperti keruntuhan akhlak, rasuah, kerosakan sumber-sumber alam semula jadi seperti pencemaran sungai, pemusnahan hutan, bukit bukau dan lain-lain. Perkembangan aliran pemikiran yang pelbagai mengenai agama Islam merupakan juga cabaran kepada masyarakat. Oleh itu, kefahaman tentang Islam disampaikan secara berhemah oleh para ilmuwan yang berkelayakan dan diiktiraf.

Pada tahun 2020, Siri Muzakarah Pakar telah diadakan dengan tajuk-tajuk: (i) “Failure of Extreme Capitalism: Is Islamic Economic The Answer?”, (ii) “Religious Responses to Climate

Change and Environmental Degradation”; (iii) “Developing The Islamic Mind”; dan (iv) “New Zealand Paling Islamik: Malaysia Bagaimana?”.

IKIM turut menerbitkan lima (5) buah buku pada tahun 2020 iaitu; (i) Ahmad Ibrahim: *Sahsiah, Pemikiran dan Sumbangan Ilmiah*; (ii) *Islam, Kesihatan Mental dan Neuropsikiatri*; (iii) *Islam dan Mata Wang Kripto: Tinjauan Awal Pelbagai Dimensi*; (iv) *Islam dan Wabak: Pengajaran daripada COVID 19*; (v) *Islam and Pandemics: Lessons From COVID 19*. Jurnal TAFHIM Jilid 13 No.1 (Jun 2020) dan Jurnal TAFHIM Jilid 13 No.2 (Disember 2020).

Koleksi Khas Tamadun Islam (KTI) IKIM telah diumumkan pada 4 September 2020. KTI mengandungi 8001 naskhah buku dan jurnal dalam pelbagai bidang peradaban Islam. Antaranya ialah termasuklah karya nadir abad ke-17, ke-18, ke-19 dan separuh abad ke-20. Koleksi dalam 20 bahasa ini tidak tertumpu kepada masyarakat Islam di Semenanjung Arab, Turki dan Parsi sahaja, bahkan ia merangkumi




masyarakat Islam di benua India, Utara Afrika, dan Sepanyol.

Melalui Kajian Wave 2/2020 GfK (Society for Consumer Research), Radio IKIM dengan taglinenya “Inspirasi, Inforia, Islami” telah mencatat jumlah pendengar 1.3 juta orang yang meletakkan Radio IKIM di senarai tangga ke-6 dalam senarai Kategori Radio Bahasa Melayu di negara ini. Sebagai usaha untuk terus mengukuhkan kedudukannya, Radio IKIM juga turut memperkasakan penggunaan media sosial melalui laman sosial, seperti Facebook, FB live, Instagram, Youtube dan Podcast.

Stesen tvIKIM yang merupakan TV internet menyalurkan ilmu kepada para pendengar Radio IKIM menerusi perbincangan di studio secara audio visual. Di samping itu, tvIKIM turut meluaskan jangkauan perbincangan ilmiah di IKIM secara maya atau dalam talian melalui siaran live streaming. Bilangan hit ke laman tvIKIM telah mencatatkan jumlah 3,301,073 bagi tahun 2020. Jumlah page view

laman tvIKIM bagi tahun 2020 pula adalah sebanyak 426,462, manakala Fan Page Facebook di URL telah berjaya mengumpul lebih 90,633 likes. Lebih 18,600 subscriber turut dicatat di saluran tvIKIM di Youtube dan jumlah ini yang meningkat dari hari ke hari.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan IKIM yang diketuai oleh Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin, serta Ahli-ahli IKIM, dan Fellow-fellow Kehormat IKIM yang telah berkhidmat sebagai satu pasukan sepanjang tahun 2020 ini.


Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid
Pengerusi IKIM

**KENYATAAN
EKSEKUTIF
KETUA PENGARAH**



Sukacitanya saya ingin membentangkan laporan ringkas kegiatan-kegiatan utama Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) yang telah diaudit bagi tahun 2020.

Menginjak usia ke-28 tahun penubuhannya, IKIM terus berusaha meningkatkan kefahaman masyarakat tentang ajaran dan nilai-nilai Islam serta hubungannya dengan kehidupan secara komited dalam menyampaikan ilmu pengetahuan, kefahaman melalui penyelidikan, perbincangan ilmiah, penyebaran melalui media massa dan penerbitannya, bertepatan dengan gagasannya “Memahami Islam Membina Peradaban”.

WARGA KERJA IKIM TAHUN 2020

Dalam tahun 2020 warga kerja IKIM adalah seramai 143 orang yang terdiri daripada kumpulan yang berikut:

1. Kumpulan Pengurusan & Profesional: 56 orang (39%)
2. Kumpulan Pelaksana I: 43 orang (30%)
3. Kumpulan Pelaksanaan II: 38 orang (27%)
4. Kumpulan Pelaksana III: 6 orang (4%)

Enam (6) orang pegawai/kakitangan yang telah dinaikkan pangkat dalam pelbagai jawatan seperti yang berikut:

BIL.	NAMA	JAWATAN & GRED	TARIKH KUAT KUASA
1.	Hj. Mahathir b. Shaharuddin	Pengurus Besar Gred N52	1.3.2020
2.	Sapuah bt. Hj. Nawawi	Ketua Pegawai Tadbir Gred N52	1.12.2020
3.	Mohamad Zainal b. Mohd. Ghani	Pegawai Teknologi Maklumat Kanan Gred F44	1.12.2020
4.	Azhani bt. Zakaria	Ketua Pegawai Tadbir Gred N48	1.3.2020
5.	Kentan bt. A. Kadir	Pembantu Tadbir Kanan Gred N22	1.3.2020
6.	Hafizah bt. Mohamed	Setiausaha Pejabat Gred N22	1.9.2020

Pada tahun 2020 juga, seramai 10 orang pegawai/kakitangan telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2019. APC merupakan penghargaan kepada pegawai IKIM yang telah memberi perkhidmatan cemerlang dan pengiktirafan terhadap perkhidmatan yang bermutu tinggi berdasarkan prestasi tahunan. Senarai pegawai/kakitangan penerima APC tahun 2020 tersebut adalah seperti yang berikut:

BIL.	NAMA	MARKAH 2019	JAWATAN/ GRED	PUSAT/ BAHAGIAN/ UNIT	TAHUN TERA-KHIR APC	KATEGORI
1.	Dr. Shaikh Mohd. Saifuddeen b. Shaikh Mohd. Salleh	95.00%	Felow Kanan/ Pengarah Pusat/ DQ54	Pusat KIAS	Belum APC	Cemerlang
2.	Anas Anal b. Mohd. Zainal	92.50%	Ketua Pegawai Teknologi Maklumat/ F48	Unit Teknologi Maklumat & Komunikasi	Belum APC	Cemerlang
3.	Wan Zahidah bt. Wan Zainuddin	90.68%	Pen. Pegawai Tadbir Kanan/ N32	Unit Program & Latihan	2011	Cemerlang
4.	Nor Zuliana bt. Mohd. Zaman	88.30%	Pembantu Tadbir (Perkeranian)/ N19	Unit Modal Insan	Belum APC	Terpuji

BIL.	NAMA	MARKAH 2019	JAWATAN/ GRED	PUSAT/ BAHAGIAN/ UNIT	TAHUN TERA- KHIR APC	KATEGORI
5.	Mohammad Fairaul Rizal b. Ahmad	87.98%	Pembantu Teknik/ JA29	tvIKIM	Belum APC	Terpuji
6.	Ahmad Redhwan b. Abd. Ghani	87.58%	Pembantu Teknik JA29	Unit Teknikal & Prasarana	2006	Terpuji
7.	Ahmad Nazri b. Mohd. Yusof	86.39%	Penerbit Rancangan Kanan /B44	Radio IKIM	1998	Terpuji
8.	Hishamamir b. Abd. Kadir	86.35%	Pembantu Tadbir (Perkeranian)/ N19	Unit Pentadbiran & Perolehan	2003	Terpuji
9.	Muhammad Zafri b. Othman	86.23%	Pen. Eksekutif Pemasaran/ EP19	Bahagian Ekonomi & Pemasaran	Belum APC	Terpuji
10.	Siti Shamsiah bt. Md. Supi	85.71%	Pegawai Penyelidik Kanan/ DQ44	Pusat SYARAK	Belum APC	Terpuji

Seramai sembilan (9) orang pegawai/kakitangan pula telah menerima Anugerah Khidmat Setia (AKS) 15 Tahun perkhidmatan. AKS merupakan satu bentuk penghargaan pihak Institusi kepada pegawai/kakitangan IKIM yang telah setia berkhidmat selama 15 tahun. Penerima AKS pada tahun 2020 adalah seperti yang berikut :

BIL.	NAMA	JAWATAN	GRED	TARIKH LANTIKAN
1.	Mohd b. Noor Omar	Felow	DQ48	7.2.2005
2.	Norkumala bt. Awang	Felow	DQ48	1.8.2005
3.	Azhani bt. Zakaria	Ketua Pegawai Tadbir	N48	1.4.2005
4.	Mastura bt. Mohd. Zain	Editor	N41	1.6.2005
5.	Azlina bt. Azmi	Pen. Pegawai Kewangan Kanan	WA32	18.7.2005

BIL.	NAMA	JAWATAN	GRED	TARIKH LANTIKAN
6.	Siti Rohani bt. Surani	Penerbit Rancangan Radio	B32	18.7.2005
7.	Nur Adila bt. Ismail	Pen. Pegawai Perpustakaan Kanan	S32	1.8.2005
8.	Mohd. Nuwal Asyran b. Aminordin	Penerbit Produksi Kanan	B32	1.9.2005
9.	Kentan bt. A. Kadir	Pembantu Tadbir (Perkeranian) Kanan	N22	25.5.2005

UNIT-UNIT BAHARU

Mesyuarat Lembaga Pengarah IKIM Bil.5/2019 yang diadakan pada 13 Disember 2019, telah meluluskan pewujudan Unit Integriti & Pematuhan. Tujuan utama pewujudan unit ini untuk memastikan pegawai IKIM mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh sehingga meningkatkan semangat patriotisme. Inisiatif ini akan dapat membendung salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi dalam kalangan pegawai IKIM. Unit Integriti & Pematuhan diketuai oleh seorang Pegawai Integriti & Pematuhan Gred N41 dan dibantu oleh seorang Penolong Pegawai Integriti & Pematuhan, Gred N29. Unit Integriti & Pematuhan telah memulakan operasinya secara rasmi pada 2 Februari 2021.

Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil.6/2018 pada 28 Disember 2018 pula telah meluluskan penubuhan Unit Audit Dalam yang terdiri daripada dua (2) anggota iaitu seorang Ketua Unit Audit Dalam, Gred W48 dan seorang Penolong Pegawai Audit Dalam Gred W29. Pada 1 Oktober 2020, Unit Audit Dalam telah mula beroperasi secara rasminya. Tujuan utama penubuhan unit ini adalah untuk memantapkan lagi pengurusan kewangan IKIM, dan meningkatkan lagi kawalan prosedur serta sistem kerja dalaman yang sedia ada di IKIM.

ANUGERAH DAN PENGIFTIRAFAN

Sepanjang tahun 2020, IKIM telah menerima beberapa penganugerahan dan pengiktirafan seperti yang berikut:

1. Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan Tahun 2019 (5 Bintang) bagi Jabatan / Agensi Kerajaan yang mematuhi status penarafan berdasarkan Arahan Keselamatan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia.
2. Anugerah Penghargaan Media 2019 Cybersecurity daripada Cybersecurity Malaysia kepada Radio IKIM atas sumbangan dalam menyebar luas informasi, mendidik serta memupuk kesedaran orang ramai mengenai isu semasa, amalan terbaik, tips serta nasihat berkaitan dengan keselamatan siber dan penggunaan internet secara positif.
3. YABhg. Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid telah dilantik sebagai Profesor Adjung di Fakulti Teknologi dan Informatik Razak (FTIR), Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur bagi tempoh setahun bermula dari 1.8.2020 hingga 31.07.2021.
4. YABhg. Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid telah dilantik sebagai Profesor Adjung di Universiti Sultan Azlan Shah, Perak bagi

- tempoh setahun bermula dari 3.8.2020 hingga 2.8.2021.
5. YABhg. Tun Ahmad Sarji Abdul b. Hamid telah dilantik sebagai Pro-Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagi tempoh dua tahun bermula dari 1.9.2020 hingga 31.08.2022.
6. YBhg. Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin, Ketua Pengarah IKIM dilantik sebagai Penyandang Kursi Kurniaan bagi Kursi Perubahan Iklim Universiti Kebangsaan Malaysia -Yayasan Sime Darby (UKM-YSD) dari 1.6.2020 hingga 31.5.2023.
7. YBhg. Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin, Ketua Pengarah IKIM dilantik sebagai Ahli Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dari 1.6.2020 hingga 31.5.2022.
8. Pn. Hjh. Nik Hasnah bt. Ismail, Pengurus Rancangan Radio telah dilantik sebagai Naib Pengerusi Commercial Radio Malaysia (CRM) bagi tempoh setahun bermula dari 11.9.2020 hingga 10.9.2021.

KUNJUNGAN HORMAT DAN LAWATAN KERJA

Sebagai institusi pemikiran dan penyelidikan yang relevan, IKIM sentiasa dirujuk.

Perkara tersebut dapat dilihat bukan sahaja pada anugerah dan pengiktirafan yang diterima bahkan juga ia dapat dilihat daripada kunjungan hormat dan lawatan kerja pelawat dari dalam dan luar negara. Kunjungan ini turut menjadi forum dan platform untuk pertukaran idea termasuk berkenaan isu-isu semasa yang berkaitan dengan Islam.


Kunjungan hormat ini termasuklah daripada Ketua-ketua agensi seperti Kementerian Alam Sekitar dan Air, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Universiti Sains Islam

Malaysia (USIM), Institut Masa Depan Malaysia (MASA), Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Yayasan Jantung Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia.

IKIM turut menerima kunjungan dari luar negara, iaitu Tuan Yang Terutama Ravshan Usmanov, Duta Besar Uzbekistan ke Malaysia serta Mr. Shiraz Abdullaev, First Secretary of the Embassy dan Duta Sweden di Malaysia, Mr. Dag Juhlin-Dannfelt.

PENUTUP

Secara keseluruhannya, warga IKIM bersyukur kerana dalam keadaan kekangan-kekangan yang telah terpaksa dihadapi berikutan pandemik Covid-19, mereka masih dapat menuaikan amanah kerja serta didalam keadaan norma-norma baharu. Melalui Pelan Strategik yang sedia ada serta sistem pengurusan yang sentiasa diperkuatkkan, proses pengukuhan kapasiti penjanaan dan penyebaran ilmu untuk sentiasa memelihara dan meningkatkan kefahaman Islam kepada seluruh masyarakat serta membina peradaban untuk orang Islam dan yang belum/bukan Islam pada peringkat lokal dan global akan terus dilaksanakan. Dengan panduan daripada pihak Lembaga dan Ahli-ahli IKIM dengan perancangan masa depan yang mampan, saya yakin IKIM akan dapat menempa lebih banyak lagi kejayaan pada tahun-tahun yang mendatang. Biiznillah.



Datuk Prof. Dr. Azizan Bt. Baharuddin
Ketua Pengarah

AHLI
LEMBAGA
PENGARAH

SENARAI AHLI LEMBAGA PENGARAH IKIM



YABhg. Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid
Pengerusi

Kelulusan


1. MPA (Harvard);
2. B.A. (Hons) (Malaya);
3. DPA (The Hague);
4. Doktor Kehormat Sains (Pengurusan) (UUM);
5. Doktor Kehormat Pentadbiran Perniagaan (Nottingham-Trent);
6. Doktor Kehormat Persuratan (UNIMAS);
7. Doktor Kehormat Pengurusan (UIAM);
8. Doktor Kehormat Pengurusan (UNIMAP);
9. Doktor Kehormat Pengurusan (INTI);
10. Doktor Kehormat Pengurusan (UNITEN) dan;
11. Doktor Kehormat Falsafah (Kepimpinan & Pentadbiran Awam) (UKM).



**YBhg. Tan Sri Sheikh Ghazali
b. Hj. Abdul Rahman**
Naib Pengerusi

Kelulusan

1. Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Syariah & Kehakiman (USIM);
2. B.A. Perundangan Islam (Syariah) (Universiti Al-Azhar, Kaherah);
3. Diploma Pendidikan (Universiti Ain Sham, Kaherah); dan
4. Diploma Undang-Undang & Pentadbiran Kehakiman Islam (UIAM).



YBhg. Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin
Ketua Pengarah

Kelulusan

1. Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Sejarah dan Falsafah Sains (Sains & Islam), (University Lancaster, UK);
2. Sarjana (Sejarah dan Falsafah Sains) University College of London, United Kingdom ; dan
3. Sarjana Muda Sains (Kepujian) (Biologi), (University of Tasmania, Australia).



**YBhg. Dato' Wan Mohamad
b. Dato' Sheikh Abdul Aziz**
(Ahli yang dipilih hingga 31 Mei 2020)

Kelulusan


1. B.A. (Hons) (UKM);
2. Diploma Pendidikan (UKM); dan
3. Diploma in Management Science (INTAN).



YBhg. Datuk Sr. Zakaria b. Hashim
(Dilantik hingga 31 Mei 2020)

Kelulusan

1. MBA (Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan) (Sekolah Perniagaan Henley, Universiti Reading, UK);
2. Diploma Lanjutan Ukur Bahan (Thames Polytechnic, UK);
3. Diploma Ukur Bahan (Maktab Teknik, Kuala Lumpur); dan
4. Chartered Quantity Surveyor (FRICS, UK) FISM.



YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Isahak b. Haron

Kelulusan

1. PhD (University of Chicago);
2. M.Ed. (University of Sydney);
3. B.A. (Hons) (University of Malaya); dan
4. Diploma Pendidikan (Pengajian Melayu & Islam) (University of Malaya).



YBhg. Dato' Dr. Abdul Monir b. Yaacob

Kelulusan

1. PhD Law (UIAM);
2. Dip. in Law & M.Phil. in Law (University of London); dan
3. Al-Aliyah (Universiti Al-Azhar).



.YBhg. Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin

Kelulusan

1. PhD (Heterogeneous Catalysis) (University of Manchester Institute of Science & Technology [UMIST] UK);
2. M.Sc. (Natural Products Chemistry) (UPM); dan
3. B.Sc. (Hons) (Chemistry) (UPM).



YBhg. Dato' Dr. Mohd. Yusof b. Hj. Othman FASc

Kelulusan

1. PhD (Solar Energy) (University of Aston, UK);
2. M.Sc. (Solid State Physics) (University of London) dan;
3. B.Sc. (Hons) (Fizik) (UKM).



YBhg. Datuk Hj. Ahamed Basheer b. Mohd Hussain

Kelulusan

1. B.A. (Hons.) Pengajian Islam (Al-Quran & Qiraat) (Universiti Al-Azhar, Cairo); dan
2. Diploma Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat.



YBhg. Prof. Dato' Noor Aziah bt. Mohd Awal

Kelulusan

1. PhD (University College London, England);
2. LL.B (Hons.) (University of Essex, Colchester, England); dan
3. LL.M (University of Kent at Canterbury, England).



YBhg. Datu Hj. Misnu b. Hj. Taha

Kelulusan

1. Senior Executive Fellow Programme (Harvard University, USA);
2. Bachelor of Arts (Hons), (UKM); dan
3. Higher School Certificate (Kolej Datu Patinggi Abang Haji Abdillah, Kuching, Sarawak).



YBhg. Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah b. Che Othman

Kelulusan

1. Masters of Philosophy (University of Swansea, United Kingdom);
2. Senior Fellow, Financial Services Institute of Australasia (FINSIA); dan
3. Diploma in Statistics (UiTM).

BAB 1

PENYAMPAIAN
KEFAHAMAN ISLAM
BERKENAAN ISU
SEMASA

BAB 1

PENYAMPAIAN KEFAHAMAN ISLAM BERKENAAN ISU SEMASA

Pada tahun 2020, wabak Covid-19 telah mengubah norma dan amalan biasa dalam setiap aspek kehidupan. Hikmah di sebalik keadaan ini ialah warga IKIM terpaksa menjadi lebih inovatif dan dinamik serta berupaya menyesuaikan diri dari segi corak pemikiran, gaya hidup serta budaya kerja agar relevan dengan keadaan dan keperluan semasa. Akibat pandemik, IKIM tidak dapat melaksanakan program-program yang telah dirancang sepanjang tahun 2020 bermula dengan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisyihar keadaan tersebut sebagai satu pandemik pada 12 Mac 2020. Kesan pandemik ini mengakibatkan kehilangan nyawa manusia di samping memberi implikasi kepada aspek sosioekonomi seluruh negara. Namun, disebalik kekangan dan cabaran, IKIM telah berjaya menganjurkan lima (5) program akademik yang terdiri daripada satu (1) siri Kolokium, satu (1) program Wacana, dua (2) Muzakarah Pakar dan satu (1) Kursus. Lain-lain adalah satu (1) Bengkel, satu (1) Kumpulan Fokus dan satu (1) Pelancaran Koleksi Tamadun Islam secara dalam talian dan secara fizikal yang terhad.

Unit Program dan Latihan (UPL), IKIM menganjurkan program akademik dan latihan untuk masyarakat umum, kerajaan dan pihak swasta. Objektif penganjuran program IKIM adalah untuk berusaha ke arah pengendalian program secara berkualiti melalui pengurusan sumber yang cekap dan memberi perkhidmatan sokongan menguruskan program-program akademik dan latihan IKIM.

SIRI KOLOKIUM

Kolokium “*The Failure of Extreme Capitalism: Is Islamic Economics the Answer?*” (20 Februari 2020)

Kolokium ini telah diadakan pada 20 Februari 2020 di Dewan Besar IKIM. Tujuan kolokium tersebut diadakan adalah untuk membincangkan keadaan dan masalah ekonomi semasa yang sedang dihadapi dunia. Keceluaran keadaan ekonomi sekarang dikatakan berpunca daripada kelemahan-kelemahan ketara sistem ekonomi kapitalisme ekstrim yang diamalkan oleh kebanyakan negara.

Dua (2) matlamat yang ingin dicapai kolokium ini adalah:

1. Menganalisis hubungan antara teori ekonomi moden dengan krisis ekonomi dan kewangan yang dihadapi oleh kebanyakan negara dunia pada hari ini; dan
2. Mencadangkan penerapan ekonomi dan sistem kewangan Islam sebagai penyelesaian kepada krisis ekonomi dan kewangan yang dihadapi sekarang.

Kolokium ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin, Ketua Pengarah IKIM. Pakar-pakar yang hadir membentang dan terlibat dalam perbincangan kolokium ini ialah (1) Emeritus Prof. Datuk Dr. Mohamed b. Ariff, Profesor Ekonomi dan Pentadbiran, Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF); (2) Prof. Abas Mirakhor, Mantan Ketua Eksekutif, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF); (3) Datuk Dr. Mohd Daud b. Bakar, Presiden,

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM); dan (4) Prof. Dr. Jomo Kwame Sundaram, Penasihat Penyelidik, Institut Penyelidikan Khazanah (KRI). Seramai 188 orang peserta telah hadir di kolokium ini dan kebanyakannya terdiri daripada para pensyarah universiti, wakil-wakil sektor perbankan dan kewangan serta institusi swasta.

Ucaptama Pengerusi IKIM yang dibacakan oleh Ketua Pengarah IKIM telah menetapkan nada perjalanan kolokium dengan mengenal pasti pelbagai masalah ekonomi yang berlaku di dunia yang didasari oleh sistem kapitalis ekstrim dan sejauh mana sistem ini turut menjadi asas kepada susunan sosial masyarakat dunia.

Berikut adalah perkara penting yang terkandung dalam Ucaptama Tematik Pengerusi IKIM:

1. Sistem kapitalis hanya mementingkan aspek keuntungan kepada pemodal.
2. Tidak dinafikan bahawa sistem kapitalis ini menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara, namun ia datang bersama kos yang wujud dalam bentuk peningkatan kadar kemiskinan, ketaksamaan kekayaan dan agihan pendapatan serta ketidakadilan sosial.
3. Separuh penduduk dunia yang miskin berada di negara-negara Islam.
4. Syarikat-syarikat kapitalis di negara-negara maju ada yang lebih besar dari segi saiz kekayaannya berbanding dengan kebanyakan negara di dunia. Mereka mempunyai pengaruh yang besar dan mampu memanipulasi aspek politik, sosial dan etika masyarakat.
5. Islam melarang pengumpulan harta yang berlebihan misalnya amalan kapitalisme mahupun kawalan kerajaan ke atas faktor-faktor pengeluaran seperti amalan sosialisme. Dalam Islam hak-hak individu perlu diimbangi dengan hak-hak masyarakat.
6. Matlamat utama Islam adalah untuk membebaskan manusia daripada unsur kebendaan dan perhambaan; dan seterusnya menegakkan keadilan sosial.
7. Matlamat al-adl dan al-ihsan yang dianjurkan oleh al-Quran boleh dicapai menerusi pelaksanaan peraturan-peraturan Islam yang berkaitan dengan pemilikan harta, peraturan pasaran dan agihan kekayaan.
8. Perkembangan pesat sistem kewangan Islam merupakan manifestasi kepada penerimaan sistem kewangan Islam sebagai alternatif kepada sistem kewangan konvensional.
9. Namun sistem kewangan Islam turut dikritik kerana hanya berasaskan kepada pengharaman riba dan ia beroperasi di atas platform sistem kewangan konvensional yang mementingkan keuntungan semata-mata.
10. Di Malaysia, 33% daripada aset sistem perbankan terdiri daripada aset sistem perbankan Islam. Manakala takaful keluarga dan takaful am masing-masing adalah sebanyak 11% dan 10%.
11. Dalam satu landskap ekonomi, iaitu sistem kapitalis begitu dominan dan mempunyai pengaruh dalam membentuk gelagat pelaku ekonomi, adalah menjadi satu cabaran kepada kolokium ini untuk membuktikan bahawa sistem kapitalis ini gagal. Pada masa yang sama juga satu cabaran kepada kolokium ini adalah untuk membuktikan bahawa sistem ekonomi Islam menjadi jawapan atau solusi kepada sistem kapitalis yang gagal tersebut.

Kolokium ini telah merumuskan beberapa perkara seperti yang berikut:

1. Terdapat jurang antara impian ekonomi Islam dengan amalan yang berlaku pada masa ini. Jurang ini wujud kerana teori dan kurikulum ekonomi Islam dikembangkan mengikut cita-cita dan falsafah ekonomi Barat. Kesan daripada jurang ini wujud pertentangan antara sistem nilai Islam dengan apa yang berlaku secara praktik dalam ekonomi Islam. Bagi menyelesai masalah jurang ini, ekonomi Islam perlu menetapkan konsepnya berdasarkan falsafah yang dibawanya.
2. Meraikan pluralisme walaupun diakui wujud jurang dalam ekonomi Islam, namun terdapat juga pandangan yang berbeza tentang jurang tersebut. Ada yang menyatakan jurang ini wujud kerana asas ekonomi Islam dikembangkan mengikut ilmu Barat dan ada yang mengaitkan jurang ini dengan kegagalan ekonomi Islam untuk mengenal pasti identiti keilmuannya. Di sebalik perbezaan pandangan ini, semua pembentang secara eksplisit bersetuju tentang keberagaman pendekatan untuk membangunkan ekonomi Islam.
3. Terdapat kesepakatan dalam menyatakan bahawa ekonomi Islam tidak mempunyai identiti yang jelas. Bukan sahaja visi ekonomi Islam itu perlu berpandukan kepada maqasid al-syariah, bahkan perlu ada usaha untuk membangunkan kembali ekonomi Islam bermula daripada peringkat akar umbi dengan mengkaji kembali falsafah dan tradisi Islam. Di samping itu, ekonomi Islam juga perlu membangunkan sistem yang lebih fleksibel bagi menangani isu-isu kontemporari serta mencari ruang keintelektualannya dalam aspek sosioekonomi, politik, sosiologi, sejarah dan falsafah. Penglibatan ekonomi Islam dalam bidang-bidang ini memungkinkan ia dapat merealisasikan cita-cita dan visinya.



Prof. Dr. Jomo Kwame Sundaram sedang menyampaikan pendapat sambil disaksikan oleh dari kiri: Emeritus Prof. Datuk Dr. Mohamed b. Ariff, Prof. Dr. Abbas Mirakhor, Pn. Hjh. Siti Fatimah bt. Abdul Rahman (moderator) dan Datuk Dr. Mohd Daud b. Bakar.



Tan Sri Dato' Seri Dr. Sulaiman b. Mahbob, antara peserta Kolokium “Kegagalan Kapitalisme Ekstrem: Adakah Ekonomi Islam Jawapannya?” bertanyakan soalan kepada ahli panel.

WACANA

Wacana Khas Bersama Ahli-ahli IKIM bertajuk “New Zealand paling Islamik?: Malaysia Bagaimana?” (22 Disember 2020)

Wacana Khas ini telah diadakan secara dalam talian pada 22 Disember 2020 menerusi aplikasi Zoom. YABhg. Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid telah menyampaikan ucaptama dalam wacana tersebut.

Wacana ini bertujuan menjelaskan ciri-ciri sesebuah negara dari perseptif Islam, membincangkan dimensi-dimensi yang terdapat dalam *Islamicity Index* yang merangkumi ekonomi, urus tadbir dan undang-undang, hak asasi manusia dan hak berkaitan politik serta hubungan antarabangsa, memahami penguasaan ranking oleh negara bukan Islam dalam pencapaian domain-domain tersebut serta membincangkan pendekatan Malaysia yang

dapat mempertingkatkan pencapaian dalam dimensi-dimensi yang berkaitan.

Antara inti pati yang terkandung dalam ucaptama oleh YABhg. Tun Ahmad Sarji adalah seperti yang berikut:

1. Beberapa ciri yang membuktikan Malaysia memenuhi tanggungjawabnya sebagai sebuah negara Islam seperti pembahagian tiga cabang kuasa, iaitu Perundangan, Kehakiman dan Eksekutif, seperti digariskan dalam Perlembagaan Persekutuan, kedudukan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong sebagai Ketua Negara, sistem anggota jemaah Menteri yang menjalankan tugas kerajaan, kewujudan sistem kehakiman yang bebas bagi tujuan menegakkan keadilan serta kewujudan institusi dan pihak berkuasa Islam serta institusi-institusi muamalah;

2. Malaysia turut melaksanakan tugas-tugas hisbah (bahagian penguatkuasaan) untuk memastikan supaya adab-adab, akhlak dan syiar Islam, serta peraturan-peraturannya dipantau untuk kesejahteraan masyarakat.
3. Wujudnya sistem Pendidikan Islam yang berperanan untuk melahirkan insan yang bertakwa dan berilmu menerusi pelbagai institusi.
4. Prestasi negara-negara Islam khususnya Malaysia dalam 4 sub indeks penting, iaitu ekonomi Islam, perundangan dan urus tadbir, hak asasi manusia dan hak politik serta hubungan antarabangsa.
5. Pencapaian Malaysia dalam indeks tersebut menduduki tempat ke-45 daripada 151 buah negara di seluruh dunia. Dalam kalangan negara-negara Islam, kedudukan Malaysia adalah yang kedua di bawah Emiriah Arab Bersatu yang berada di kedudukan ke-44 dunia).

Seramai lapan (8) orang tokoh dari pelbagai latar belakang telah diundang untuk memberikan pandangan, iaitu: (1) YBhg. Dato' Wan Mohammad b. Dato' Sheikh Abdul Aziz, Ahli IKIM yang juga Setiausaha Politik Kepada YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri, (2) YBhg. Datuk Emeritus Prof. Dr. Shad Saleem Faruqi, Penyandang Kursi Yayasan Tunku Abdul Rahman, Fakutli Undang-undang, Universiti Malaya, (3) YBhg. Prof. Datuk Dr. Syed Othman b. Syed Hussain Alhabshi, Ahli IKIM, (4) YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamed Azam b. Mohamed Aidil, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS), (5) YBhg. Prof. Dr. Shamrahyu bt. Ab. Aziz, Ahli IKIM yang juga Penyandang Kursi Institut Raja-raja Melayu, UiTM, (6) YBhg. Prof. Datuk Dr. Teo Kok Seong, Felo Utama KITA, UKM, (7) YBhg. Prof. Dato' Sri Dr. Zaleha bt. Kamarudin, Ahli IKIM, (8) YBhg. Ir. Dr. Haji Muhamad Fuad Abdullah, Ahli IKIM.

Perbincangan wacana ini tertumpu kepada beberapa aspek perundangan, ekonomi, sosial, hak asasi dan sudut pandang Islam tentang ciri-ciri sebuah negara. Beberapa ahli panel juga berpendapat bahawa *Islamicity Index* ini hanya merupakan antara kayu ukur sedia ada, namun dalam penentuan sesebuah negara tersebut Islamik atau tidak, kriteria penilaian yang diguna pakai haruslah kriteria yang ditentukan oleh Islam dari segi akidah dan nilainya. Bagi menentukan sesebuah negara itu Islamik atau tidak, empat ciri-ciri Islamik ini perlu dipenuhi, iaitu kepelbagaian, keadilan, kemakmuran dan keamanan. Sesebuah negara Islamik juga harus menegakkan dua perkara, iaitu prinsip keadilan dan musyawarah dalam sistem pentadbirannya.

Beberapa pandangan penting dan kritis tentang aspek sebuah negara yang Islamik dan ciri-ciri yang perlu dijadikan kompas kepada hala tuju pembinaan sebuah negara yang bukan hanya Islamik dari segi teori tetapi juga perlu Islamik dari segi amalannya telah dapat dikupas. Wacana ini juga membuat resolusi untuk menyerahkan satu memorandum kepada *Islamicity Foundation* berkenaan *Islamicity Index* yang dihasilkan. IKIM juga berharap agar wacana ini mengukuhkan lagi peranannya sebagai sebuah institusi berteraskan ilmu yang berperanan menyebar luas kefahaman Islam dalam kalangan masyarakat.



YABhg. Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid, Pengerusi IKIM bersama ahli panel yang lain ketika menyampaikan ucaptama secara dalam talian. Baris atas dari kiri YBhg. Datuk Emeritus Prof. Dr. Shad Saleem Faruqi, Penyandang Kursi Yayasan Tunku Abdul Rahman, Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya dan YBrs. Dr. Mohd. Farid b. Mohd. Shahran, Fellow Utama/Pengarah Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Politik IKIM. Baris kedua dari kiri: YBhg Prof. Datuk Dr. Syed Othman b. Syed Hussain Alhabshi, Ahli IKIM; YBhg. Profesor Dato' Seri Dr. Zaleha bt. Kamaruddin, Ahli IKIM dan YBhg. Prof Datuk Dr. Teo Kok Seong, Felo Utama KITA UKM. Baris bawah dari kiri: YBhg. Ir Dr. Haji Muhamad Fuad Abdullah, Ahli IKIM dan YBhg. Prof. Madya Dr. Mohamed Azam Mohamed Aidil, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS).



YBhg. Datuk Dr. Syed Othman b. Syed Hussin Alhabshi, Ahli IKIM sedang memberikan ulasan dalam program tersebut.

MUZAKARAH PAKAR

Muzakarah Pakar “Religious Responses To Climate Change And Environmental Degradation” (24 November 2020)

Buat julung kalinya IKIM telah mengadakan Muzakarah Pakar secara dalam talian sejajar dengan norma baharu sepanjang pandemik Covid-19 ini. Pengurus IKIM, YABhg. Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid telah menyampaikan ucaptama dalam Muzakarah Pakar ini.

Inti pati dalam ucaptama YABhg. Tun Pengurus adalah seperti berikut:

1. “Iklim” merujuk keadaan fizikal dan kimia persekitaran yang mempengaruhi ciri-ciri daratan, udara dan air di planet bumi. Didapati, planet bumi telah mengalami perubahan sejak abad ke-19 lagi akibat daripada perubahan iklim global.
2. Peningkatan karbon dioksida telah menyumbang kepada perubahan iklim yang mencetuskan kejadian kebakaran hutan yang berleluasa sehingga meragut nyawa dan memusnahkan harta benda serta biodiversiti.
3. Perubahan ke atas ekosistem laut yang menjadi semakin panas telah memusnahkan terumbu karang yang menjadi habitat penting kepada kepelbagaiannya hidupan laut.
4. Kesan perubahan iklim yang mengundang berlakunya kebakaran hutan sehingga mencetuskan jerebu, peningkatan paras air laut, kejadian banjir besar, dan kemusnahaan tanah pertanian telah mengakibatkan kehilangan nyawa, ancaman kepupusan ke atas spesies dan juga sumber alam.
5. Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai Kepelbagai Biologi menyimpulkan bahawa 150 spesies mengalami kepupusan setiap hari, selain itu, kegiatan pembukaan hutan secara berleluasa, eksploitasi sumber alam yang berlebihan, dan pencemaran air dan udara telah dikenal pasti sebagai penyumbang kepada kepupusan.
6. Daripada laporan yang dikeluarkan oleh PBB pada Februari 2019 menyatakan bahawa kehilangan tanah, tumbuh-tumbuhan, pokok dan agen pendebungaan seperti burung, kelawar dan lebah telah merencatkan kemampuan dunia untuk menghasilkan bekalan makanan dan peningkatan penggunaan racun perosak dalam pertanian telah menyebabkan penurunan populasi serangga.
7. Kajian Dana Hidupan Liar Dunia mendapati bahawa populasi haiwan telah menurun sebanyak 60 peratus sejak tahun 1970, didorong oleh tindakan manusia.
8. Ayat 41 dalam al-Quran surah Ar-Rum, turut memperingatkan umat manusia untuk tidak menyebabkan kerosakan, kerana segala sesuatu yang telah diciptakan di muka bumi adalah seimbang serta sempurna dan manusia tidak boleh mengeksplotasi atau merosakkan keseimbangan, surah al-Araf ayat 85.
9. Terdapat empat (4) prinsip penting dalam Islam yang perlu dihayati bagi menangani isu kemasuhan alam sekitar dan perubahan iklim, iaitu khalq (penciptaan alam), khilafah (wakil yang bertanggungjawab mengurus alam), mizan (keseimbangan alam) dan syukur (kesyukuran atas segala anugerah Allah yang ada dalam alam ini).
10. Kemasuhan alam sekitar tidak seperti pandemik Covid-19 yang sedang dihadapi kerana tiada vaksin yang akan ditemui untuk kemasuhan alam;
11. Banyak negara telah memperkenalkan “Polisi Hijau” dalam menangani perubahan iklim dan “Pembentukan Iklim” boleh menjadi garis panduan bagi menghadapi

gelombang panas, ribut yang menakutkan dan banjir besar.

Seramai 11 orang tokoh telah diundang untuk memberikan pandangan. Mereka adalah: (1) Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin, Ketua Pengarah, IKIM; (2) Dr. Zurina bt. Mokhtar, Ketua Penolong Setiausaha, Kementerian Alam Sekitar dan Air; (3) Prof. Dr. Mohd Nizam b. Mohd Said, Pengarah, Institut Perubahan Iklim, Universiti Kebangsaan Malaysia; (4) Profesor Dr. Sumiani bt. Yusoff, Pengarah, Institut Sains Samudera dan Bumi, Universiti Malaya; (5) Dato' Prof. Dr. Mazlin b. Mokhtar, Pengarah, Institut Alam Sekitar dan Pembangunan, Universiti Kebangsaan Malaysia; (6) Ir. Azman b. Mat Jusoh, Pengarah, Pusat Kajian Sumber Air dan Perubahan Iklim, Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia; (7) Prof. Dr. Ahmad b. Ismail, Presiden, Persatuan Pencinta Alam Malaysia; (8) Dato' Hj. Zahari b. Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah (Polisi dan Perancangan), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia; (9) Prof. Dr. Nowshad b. Amin, Institut Tenaga Lestari, Universiti Tenaga Nasional; (10) Dr. Khamarrul Azahari b. Razak, Pengarah, *Disaster Preparedness and Prevention Center*, Universiti Teknologi Malaysia; dan (11) Dr. Mohd Istajib b. Mokhtar, Jabatan Pengajian Sains dan Teknologi, Universiti Malaya.

Antara persoalan yang dikupas dalam Muzakarah Pakar ini termasuk peranan sistem nilai dan agama khususnya Islam dalam mendepani isu kemasuhan alam dan perubahan iklim, serta bagaimana polisi dan inisiatif kerajaan boleh menangani isu ini secara lestari. Selain itu, peranan dan kepentingan ilmu sains, penyelidikan dan universiti untuk mengutarakan penyelesaian kepada isu tersebut turut disentuh oleh ahli-ahli panel. Satu lagi persoalan yang disentuh ialah keperluan kepada mewujudkan kesedaran dalam generasi akan datang untuk memelihara alam sekitar.

Muzakarah Pakar ini telah membualkan beberapa cadangan seperti yang berikut:

1. Keperluan menjalankan kerjasama yang lebih mantap antara kementerian dengan universiti.
2. Memberi penekanan kepada aktivisme alam sekitar dan *citizen science* sebagai usaha melibatkan ahli masyarakat.
3. Mengklasifikasikan pencemaran air sebagai satu bencana.
4. Meneruskan usaha untuk mewujudkan keseimbangan antara kawasan hutan dengan bukan hutan di negara ini.
5. Mewujudkan Taman Negeri sebagai usaha perlindungan habitat alam tabii.
6. Mewujudkan Indeks Kelestarian Islam.



Para peserta Muzakarah Pakar “Religious Responses To Climate Change And Environmental Degradation” yang berinteraksi secara dalam talian.

Baris atas dari kiri : YABhg. Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid, Pengerusi IKIM, Datuk Azizan bt. Baharuddin, Ketua Pengarah IKIM, Dr. Mohd. Shaikh Mohd. Saifuddeen b. Shaikh Mohd. Salleh, Fellow Kanan/Pengarah Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar IKIM (moderator), Dr. Khamarrul Azahari b. Razak, Pengarah, Disaster Preparedness and Prevention Center, Universiti Teknologi Malaysia dan Dr. Mohd Istajib b. Mokhtar, Jabatan Pengajian Sains dan Teknologi, Universiti Malaya.

Baris tengah dari kiri: Prof. Dato’ ChM. Dr. Mazlin b. Mokhtar, Pengarah Institut Alam Sekitar dan Pembangunan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Ir. Azman b. Mat Jusoh, Pengarah Pusat Kajian Sumber Air dan Perubahan Iklim, Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia, Prof. Dr. Sumiani bt. Yusoff, Pengarah Institut Sains Samudera dan Bumi, Universiti Malaya, Prof. Dr. Ahmad b. Ismail, Presiden, Persatuan Pencinta Alam Malaysia dan Dr. Zurina bt. Moktar, Ketua Penolong Setiausaha, Kementerian Alam Sekitar dan Air.

Baris bawah dari kiri: Prof. Dr. Nowshad b. Amin, Institut Tenaga Lestari, Universiti Tenaga Nasional, Dato’ Haji Zahari b. Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah (Polisi dan Perancangan), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Prof. Dr. Mohd Nizam b. Mohd Said, Pengarah Institut Perubahan Iklim, Universiti Kebangsaan Malaysia.



YABhg. Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid, Pengerusi IKIM mendengar pembentangan oleh YBhg. Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin, Ketua Pengarah IKIM.

Muzakarah Pakar “Developing The Islamic Mind” (8 Disember 2020)

Program Muzakarah Pakar Webinar ini telah dianjurkan menerusi wahana aplikasi Zoom. Program tersebut diadakan sebagai usaha untuk membangunkan minda berfikir yang menepati al-Quran dan al-Sunnah. YABhg. Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid, Pengerusi IKIM telah menyampaikan ucaptama “Developing the Islamic Mind-A View” itu di dalam Muzakarah Pakar ini.

Dalam Ucaptama tersebut, beliau telah menggariskan beberapa inti pati penting seperti berikut:

1. Mendefinisikan semula perkataan minda (mind) atau pemikiran ke arah perspektif fungsi yang lebih tepat serta berupaya meningkatkan kemampuan intelektual dan menguasai kebijaksanaan.
2. Membina kerangka pemikiran berpandukan Al-Quran, Sunnah, ijtihad dan Qiyyas yang bersifat saintifik dan benar sehingga mampu diterjemahkan dalam tindakan.
3. Meningkatkan keupayaan minda Islami untuk mencegah kerosakan dan memberi kebaikan (manfaat & maslahah) dalam masa yang sama mempunyai hubungan dengan Allah.
4. Mencabar pemikiran umat Islam agar mencermati gagasan al-Quran supaya manusia sentiasa berfikir dan bertindak berdasarkan panduan Allah.
5. Menegaskan bahawa minda Islami dan kemuliaan akhlak menjadi asas kegemilangan tamadun umat Islam manakala kerosakannya merupakan punca kemusnahan, kemunduran dan kejatuhan ummah.

Seramai sembilan (9) orang tokoh terdiri daripada tiga (3) orang Pembahas dan tujuh (7) orang Panelis telah diundang untuk memberikan pandangan iaitu: (1) Prof. Dr. Mohammad Hashim Kamali, Ketua Pegawai Eksekutif/Pengasas International Institute of Advanced Islamic Studies Malaysia; (2) Prof. Dr. Rosnani bt. Hashim, Prof. di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia; (3) Dr. Mohd. Zaidi b. Ismail, Timbalan Ketua Pengarah IKIM; (4) Sahibus Samahah Dr. Luqman b. Hj. Abdullah, Mufti di Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan; (5) Dato' Dr. Sirajuddin b. Suhaimee, Pengarah Kanan Bahagian Penyelidikan JAKIM; (6) Lt. Kol. Abdul Rahman b. Alavi, Timbalan Pengarah, Pusat Kepimpinan & Pembangunan Profesional, Universiti Pertahanan Malaysia; (7) Prof. Dr. Norita bt. Md. Norwawi, Pengarah, Institut Sains Islam, Universiti Sains Islam Malaysia; (8) Prof. Madya Dr. Mohd Rushdan b. Mohd Jailani, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia; (9) Prof. Madya Dr. Muzaimi b. Mustapha, Jabatan Neurosains, Universiti Sains Malaysia; dan (10) Dr. Muhammad Ikhlas b. Rosele, Pensyarah Kanan Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Malaya.

Muzakarah Pakar ini juga menjelaskan kesan dan akibat terhadap negara-negara Islam berpunca daripada kegagalan berfikir mengikut kerangka pemikiran Islam sebenar sehingga membawa kepada penyalahgunaan kuasa, rasuah, pembahagian kekayaan negara tidak saksama dan lain-lain berdasarkan bukti-bukti statistik semasa. Al-Quran menyarankan agar proses berfikir berlaku dalam kalangan orang Islam dan tidak hanya sekadar ikut-ikutan (taqlid) terhadap pemikiran generasi terdahulu semata-mata. Usaha perlu digerakkan (menyambung legasi pemikir lampau) untuk membentuk budaya berfikir dalam kalangan masyarakat Muslim bagi mengelakkan diri daripada dipengaruhi dan dikongkong oleh kelemahan ideologi bawaan semasa yang merugikan.


Turut dikupas ialah usaha membina keyakinan terhadap keimanan (belief) yang bersifat kerohanian perlu ditekuni melalui pendidikan ilmu falsafah, mantik dan pembentukan sikap. Beberapa kategori pemikiran juga diusulkan, iaitu mewujudkan minda rohani (spiritual mind), saintifik, beretika, kritikal, prihatin dan terhormat yang memiliki kebijaksanaan dan hikmah dalam membuat keputusan.

Muzakarah Pakar ini telah membawaikan beberapa cadangan seperti yang berikut:

1. Bagi membangunkan pemikiran Islami, konsep berfikir perlu terarah terhadap fungsi meningkatkan kemampuan intelektual dan kebijaksanaan selari dengan saranan al-Quran dan Sunah.
2. Al-Quran menyarankan agar manusia berijtihad (berfikir) menggunakan akal fikiran dan tidak hanya ikut (taqlid) semata-mata.
3. Usaha perlu digerakkan untuk membentuk budaya berfikir dalam kalangan masyarakat Muslim bagi mengelakkan pemikiran dari terus dikongkong oleh kecenderungan ideologi atau ikut-ikutan semasa yang merugikan.
4. Ajaran Islam menyeru agar berfikir dan melakukan tajdid (pembaharuan) dan islah (pembangunan) alam kehidupan agar lebih baik namun, istinbat hukum-hakam hanya dibenarkan kepada yang layak dan mujahid sahaja.



YBhg. Dr. Mohd. Zaidi b. Ismail, Timbalan Ketua Pengarah IKIM ketika membuat pembentangan semasa program “Expert Consultation - Developing the Islamic Mind” secara dalam talian.



Para peserta “Expert Consultation - Developing the Islamic Mind” yang berinteraksi secara dalam talian.

Baris atas dari kiri: YABhg. Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid, Pengurus IKIM, Dr. Mohd. Zaidi b. Ismail, Timbalan Ketua Pengarah IKIM dan Dr. Nik Roskiman b. Abdul Samad, Fellow Kanan Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Politik IKIM.

Baris tengah dari kiri: Prof. Madya Dr. Muzaimi b. Mustapha, Jabatan Neurosains, Pusat Pengajian Sains Perubatan, USM, Lt. Kol. Abdul Rahman b. Alavi, Timbalan Pengarah, Pusat Kepimpinan & Pembangunan Profesional, Universiti Pertahanan Malaysia, Dato' Dr. Sirajuddin b. Suhaimee, Pengarah Kanan, Bahagian Penyelidikan, JAKIM dan Professor Dr. Mohammad Hashim b. Kamali, Ketua Pegawai Eksekutif IAIS.

Baris bawah dari kiri: Prof. Dr. Norita bt. Md Norwawi, Pengarah, Institut Sains Islam, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Sahibus Samahah Dr. Lugman b. Haji Abdullah, Mufti Wilayah Persekutuan, Prof. Madya Dr. Mohd Rushdan b. Mohd Jailani, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, USIM dan Prof. Dr. Rosnani bt. Hashim, Profesor di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Kursus Asas Kaedah Pengurusan Harta Keluarga Islam (8-9 September 2020)

Kursus ini bertujuan memberi peluang kepada orang awam untuk turut serta memperbaiki kefahaman dan kesedaran masyarakat Islam dalam hal-ehwal pengurusan harta (termasuk kewangan) yang masih berada di tahap yang rendah. Kursus ini juga diadakan bagi menyelesaikan kekeliruan yang dihadapi oleh sesetengah daripada masyarakat Islam terhadap konsep dan fungsi instrumen pengurusan harta keluarga yang disediakan dalam syariah. Umpamanya membuat wasiat terhadap ahli keluarga dari kalangan waris yang sememangnya sudah mempunyai kedudukan dan kepentingan dalam pusaka. Kursus ini turut memperkasakan kelemahan-kelemahan yang berlaku yang menyebabkan harta-harta yang dimiliki tidak dapat diurus secara efisien; tidak dapat diagihkan kepada ahli keluarga secara adil mengikut keperluan masing-masing; berlakunya pengabaian terhadap waris atau ahli keluarga tertentu; membuat keputusan atas pengaruh atau desakan dan bukan pertimbangan sendiri; dan berlakunya perpecahan dalam keluarga kerana tidak berpuas hati terhadap keputusan tertentu berkenaan harta yang dipertikaikan.

Rumusan yang diperoleh dalam program kursus ini ialah:

1. Terdapat dua perancangan iaitu perancangan semasa hidup dan perancangan selepas berlakunya kematian pemilik harta, iaitu faraid.
2. Antara kelemahan dalam pengurusan harta keluarga ialah kekurangan ilmu yang bersangkutan dengan kaedah atau instrumen pengurusan harta, termasuklah dari sudut hukum-hakam; kurang kefahaman terhadap peruntukan undang-undang dan prosedur tertentu; kerena birokrasi; tidak ada kerjasama dan muafakat oleh kalangan waris dan ahli keluarga, dan waris tidak dapat dikesan (isu mafqud).

3. Sikap dan amalan negatif masyarakat berkaitan pengurusan harta adalah seperti sikap bertangguh dan berlengah-lengah; mengambil mudah dan tidak berasa penting terhadap pengurusan harta; tidak ada kerjasama dan muafakat oleh kalangan waris dan ahli keluarga; bergantung harap pada pihak-pihak tertentu; tamak; cuai; serta tidak mahu mempelajari atau tidak mahu mengambil tahu undang-undang yang berkaitan.
4. Panduan dan cadangan adalah seperti menginsafi bahawa setiap urusan dan permasalahan manusia harus diselesaikan dengan bertunjangkan tauhid; menginsafi bahawa pada hakikatnya hak pemilikan ialah hak Allah SWT; memiliki ilmu-ilmu berkaitan dengan pengurusan harta keluarga; dan menggunakan pakai ilmu bersesuaian dengan peranan dalam sesebuah keluarga atau rumah tangga-pemilik harta, pemegang manah, waris, penerima harta secara hibah atay wasiat.



Hadapan dari kiri: Tuan Baharuddin Aziz, Pengarah Bahagian Pembahagian Pusaka di Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, Pn. Siti Shamsiah bt. Md. Supi, Pegawai Penyelidik Kanan IKIM dan YA Tuan Hj. Mohammad Taifor b. Ahmad Rusdi, Hakim Utama Mahkamah Tinggi Syariah Perak bersama para peserta kursus.



Pembentangan oleh Tuan Mohd Faiz b. Adnan, Peguam Syarie (Tetuan Faiz Adnan & Associates



Sebahagian daripada koleksi buku nadir yang terdapat di perpustakaan IKIM.

BAB 2

KESAN DAN MANFAAT KE ATAS RADIO DAN tvIKIM

BAB 2

KESAN DAN MANFAAT KE ATAS RADIO DAN tvIKIM

Radio IKIM terus mengukuhkan jenamanya sebagai sebuah stesen radio Islam dan kekal menyiaran program-program kefahaman Islam di Malaysia. Penjenamaan semula yang dilakukan bermula tahun 2019 merupakan antara strategi mengukuhkan jenamanya dan meningkatkan jumlah pendengar terutama golongan muda. Radio IKIM telah mula menggunakan sepenuhnya pendekatan digital dalam setiap siaran rancangan radio agar mudah dijangkau oleh segenap lapisan masyarakat, mulai tahun 2020.

Radio dan tvIKIM merupakan satu-satunya media Islami yang bermatlamatkan pembinaan minda Islami dan Qurani untuk mereliasasikan ciri-ciri “ummatan wasatan”. Melalui tagline “Inspirasi Inforia Islami”, Radio IKIM mengembangkan peranannya menyebarkan kefahaman Islam selari dengan matlamat penubuhan Institut Kefahaman Islam Malaysia itu sendiri.

Dengan hasrat untuk menjadikan Radio IKIM sebagai stesen pilihan utama pendengar, beberapa langkah penjenamaan semula ini telah dilaksanakan seperti memperkenalkan logo dan tagline baharu Radio IKIM, menukar sebutan “IKIMfm” kepada “Radio IKIM”, memulakan format baharu program bual bicara, mewujudkan gandingan baharu penyampai serta memperkasakan lagi Unit Digital Radio IKIM.

Kandungan Radio IKIM juga telah disusun dengan memberi penekanan yang bertambah kepada penyertaan para ilmuwan Islam seperti Mufti Wilayah Persekutuan serta meningkatkan lagi kandungan terjemahan pentafsiran ayat-

ayat suci al-Quran, dan hadis. Siaran bacaan surah *al Kahfi* dan bacaan surah Yasin serta terjemahan kini disiarkan pada setiap malam Jumaat selain terbitan hadis-hadis terpilih yang bersesuaian dengan situasi semasa yang secara berterusan.

Menariknya, tahun 2020 telah menyaksikan penerbitan beberapa rancangan baharu yang memberi nilai tambah kepada sekian banyak penerbitan rancangan dakwah di radio IKIM. Rancangan-rancangan tersebut turut diilhamkan oleh Pengurus IKIM sendiri termasuk seperti Minda Islam. Rancangan ini mengetengahkan para ilmuwan tanah air dari pelbagai disiplin yang membicarakan pelbagai topik terkini yang mempengaruhi kehidupan masyarakat. Kupasan serta perbincangan berdasarkan fakta ilmiah yang relevan dengan masyarakat. Begitu juga penglibatan para Mufti dalam rancangan ini telah membuka ruang kepada masyarakat untuk memahami hukum dan fatwa yang digariskan oleh pihak berwajib.

Selain itu, rancangan lain yang diterbitkan termasuklah rancangan seperti Resolusi yang disiarkan pada hari Rabu, 12.00 tengah hari, mengetengahkan hasil kajian yang dijalankan oleh Pegawai Penyelidik IKIM. Dapatkan kajian yang dijalankan tidak hanya didokumenkan dalam bentuk penulisan buku dan artikel, namun dipanjangkan menerusi rancangan radio agar dapat dimanfaatkan oleh masyarakat umum.

Begitu juga rancangan Wanita Dalam Islam telah menampilkan tokoh-tokoh wanita yang mempunyai latar belakang yang baik dari segi kerjaya dan kedudukan sosial dalam

masyarakat, berpendidikan tinggi serta cemerlang dalam pengurusan rumah tangga sehingga mereka ini dapat menjadi sumber inspirasi kepada wanita lain.

Kajian GFK Radio Audience Measurement (RAM) Wave 2/2020 telah menunjukkan jumlah pendengar Radio IKIM adalah sebanyak 1.29 juta orang, sekaligus ini bererti Radio IKIM berjaya mengekalkan kedudukan ke-10 stesen radio komersial terbaik di Malaysia dan kedudukan ke-6 terbaik stesen radio bahasa Melayu di negara ini.

Keputusan kajian ini juga menunjukkan radio IKIM berjaya mengekalkan jumlah pendengar dalam kategori Profesional, Eksekutif, Pengurusan dan Usahawan (PMEBs) yang menggambarkan kandungan radio IKIM manarik perhatian kumpulan pendengar matang dan golongan yang mempunyai status pengetahuan yang tinggi.

3.	Perutusan Pengerusi bersempena Hari Raya Aidilfitri 2020	24.5.2020
4.	Perutusan Pengerusi bersempena Ulang Tahun Radio ke-19	6.7.2020
5.	Perutusan Pengerusi bersempena Hari Raya Aidiladha 2020	31.7.2020
6.	Perutusan Pengerusi bersempena Maal Hijrah 2020	20.8.2020
7.	Perutusan Pengerusi bersempena Hari Kebangsaan 2020	31.8.2020
8.	Perutusan Pengerusi bersempena, Bengkel Pecinta Nasyid IKIM (APNI) 2020	Ditayang pada 28.9.2020 pada Bengkel Pencinta Nasyid 2020
9.	Perutusan Pengerusi bersempena Sambutan Maulidur Rasul 2020	29.10.2020
10.	Perutusan Pengerusi bersempena sambutan Tahun Baru 2021	31.12.2020, dan 1.1.2021

SENARAI PENERBITAN PROGRAM AKADEMIK DI tvIKIM TAHUN 2020

Pada tahun 2020, wabak Covid-19 telah mengubah norma dan amalan biasa dalam setiap aspek kehidupan, aktiviti penerbitan video juga terlibat sama. Prosedur Operasi Standard yang ketat menyebabkan amalan-amalan penerbitan dan rakaman audio visual secara biasa tidak dapat dilaksanakan.

BIL	TAJUK	TARIKH
A. RAKAMAN DAN PENERBITAN PROGRAM AKADEMIK		
1.	<i>Colloquium on Failure of Extreme Capitalism - Is Islamic Economic The Answer?</i>	20.2.2020
2.	<i>Colloquium on Maqasidic Framework For Sustainable Development</i>	14.10.2020
3.	Kursus Pengurusan Harta Keluarga Islam Siri 1 2020	8.9.2020 - 9.9.2020
4.	<i>Colloquium Series on Religious Responses To Climate Change And Environmental Degradation</i>	24.11.2020
5.	<i>Expert Consultation Webinar On Developing The Islamic Mind</i>	8.12.2020
6.	Wacana Khas : New Zealand Paling Islami: Malaysia Bagaimana?	22.12.2020
B. PENERBITAN RANCANGAN DOKUMENTARI		
1.	Some Dimensions of Good Governance (25 minit)	16 November
2.	Good Governance In Islam (42 minit)	11 September
C. PENERBITAN RANCANGAN SYARAHAN		
1.	Tazkirah Ramadhan (30 minit, 4 episod) Ustazah Sara Sabbagh & Imam Ahmad Abdou	24.4.2020 - 15.5.2020
2.	The book of Love, Syakh Mohammad Yahya Al-Ninowy (30 minit, 19 episod)	27.4.2020 - 21.5.2020
3.	Special Eid, Syakh Mohammad Yahya Al-Ninowy	23.5.2020
4.	Women In The Quran bersama Shaykh Mohammad Aslam (30 minit, 17 episod)	25.5.2020 - 15.6.2020
D. PENERBITAN RANCANGAN BUAL-BICARA Wanita dalam Islam		
1.	Wanita : Hakikat dan Realiti Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin	22.1.2020
2.	Wanita Dalam Al-Quran Cik Wan Roslili bt. Majid	26.2.2020

BIL	TAJUK	TARIKH
3.	Isteri Mencari Rezeki Prof. Dato' Nor Aziah bt. Mohd Awal	25.3.2020
4.	Inspirasi Keluarga Huffaz Hajjah Siti Nadzrah bt. Sheh Omar	29.4.2020
5.	Fahami Psikologi Didik Anak Dr. Faridah Hanim bt. Yahya (Pensyarah UPSI)	20.5.2020
6.	Mahkamah Syariah Mengharmonikan Kehidupan Yang Arif Pn. Neney Shuhaidah bt. Shamsuddin	24.6.2020
7.	Kasih Sayang Dalam Kehidupan Dr. Maimunah bt. Ropar	26.8.2020

PENERBITAN DVD TAHUN 2020

DVD Some Dimensions of Good Governance, telah berjaya diterbitkan dalam tahun 2020, manakala lima (5) lagi tajuk yang sedang diusahakan penerbitan adalah seperti yang berikut:

1. *Islam & Disruptive Technologies*
2. *Demystifying Islamophobia: Towards Deeper Understanding of Islam*
3. *Islam and Moral Freedom: Issues and Challenges.*
4. *Failure of Extreme Capitalism - Is Islamic Economics the Answers?*
5. Anugerah Carta Nasyid 2020

VIDEO PROGRAM-PROGRAM KHAS DI RADIO

Pada tahun 2020, beberapa program lapangan Radio IKIM, telah dianjurkan secara maya yang disiarkan secara dalam talian (online). Penganjuran aktiviti-aktiviti ini menggunakan pendekatan secara norma baharu bagi memenuhi setiap Prosedur Operasi Standard yang digariskan oleh kerajaan.

BIL	TAJUK	TARIKH SIARAN
1.	Lebaran Bersama Artis,16 Video Muzik Program Aidilfitri bersiaran di Radio IKIM dan di Media Sosial	16 Video Muzik Program Aidilfitri “Lebaran Bersama Artis” (Program bersiaran di Radio IKIM & di Media Sosial) Siaran bermula 24.5.2020– 29.5.2020
2.	Haflu At-Taqdir - Malam Apresiasi Ulang Tahun Radio IKIM ke-19	20.7.2020
3.	Anugerah Pencinta Nasyid IKIM 2020	20.12.2020



Sebahagian daripada koleksi buku nadir yang terdapat di perpustakaan IKIM.

BAB 3

PENYELIDIKAN

PENYELIDIKAN

IKIM sentiasa memberikan perhatian terhadap usaha meningkatkan penyelidikan dalam pelbagai bidang kajian. IKIM turut berhasrat menjadi pusat rujukan di peringkat tertinggi dalam bidang-bidang kepakarannya. Sejajar dengan itu, IKIM akan terus mempertingkatkan jaringan kerjasama strategik bersama-sama dengan institusi dan organisasi yang berkaitan di dalam dan di luar negara. Tiga tumpuan utama penyelidikan yang digariskan dalam pelan strategik adalah untuk mempelopori bidang penyelidikan berstrategi, bermanfaat besar dan berimpak tinggi.

Penyelidikan di IKIM didokong oleh tiga Pusat Akademik, iaitu Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Politik (SYARAK), Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan (EMAS) serta Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar (KIAS). Hasil daripada aktiviti penyelidikan ini dijadikan kertas polisi, penerbitan buku, laporan penyelidikan, artikel jurnal, hebahan dan perkongsian di Radio IKIM serta penulisan di akhbar-akhbar tempatan.

Sebagai sebuah institusi pemikir yang bertanggungjawab memupuk kefahaman Islam kepada masyarakat di dalam dan di luar negara, para ahli akademik IKIM berlitzam untuk menjalankan kajian penyelidikan tentang isu-isu terkini. Sebanyak enam kluster penyelidikan yang terdiri daripada kluster Fiqh Ta'amul, Fiqh Akbar dan Pandangan Alam Islam, Fiqh Kontemporari, Alam Sekitar dan Kelestarian, Ekonomi dan Pendidikan dengan beberapa projek yang telah dijalankan sepanjang tahun 2020 seperti yang berikut:

1. Fiqh Ta'amul
2. Fiqh Akbar dan Pandangan Alam Islam
3. Alam Sekitar dan Kelestarian
4. Fiqh Kontemporari
5. Ekonomi
6. Pendidikan

Kluster Fiqh Ta'amul

“Kajian Islam, Kepelbagaian dan Hubungan antara Penganut Agama”

Dalam dunia moden interaksi antara umat Islam dengan bukan Islam semakin tidak bersempadan dan ia memerlukan kepada sikap berprinsip yang lebih jitu dari umat Islam di samping meraikan suasana kepelbagaian yang dihadapi dengan penuh bijaksana. Sehubungan dengan ini, IKIM telah melaksanakan satu kajian mengenai Islam dan kepelbagaian dalam konteks masyarakat pelbagai agama dan budaya dengan tujuan memahamkan masyarakat mengenai pandangan Islam terhadap keadaan tersebut.

Masyarakat harus diberi kefahaman bahawa Islam meraikan kepelbagaian dan al-Quran telah menjelaskan perkara ini dengan sebaiknya. Model kepimpinan yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW ketika menjadi pemimpin di kota Madinah dan juga model kepimpinan oleh Pemimpin Islam dalam Tamadun Islam terhadap masyarakat berlainan agama dan budaya juga diberi penumpuan khusus dalam kajian yang dicadangkan.

Matlamat kajian ini dijalankan adalah untuk mewujudkan satu bentuk garis panduan khusus tentang hubungan antara masyarakat pelbagai kaum dan agama di Malaysia. Memandangkan terdapat isu-isu yang boleh mengganggu-gugat aspek kaharmonian dan perpaduan antara masyarakat majmuk, kajian ini dapat memberi input khusus tentang pandangan Islam terhadap kepelbagaian dan keamanan hidup bersama (peaceful coexistence).

Kajian ini juga menjalankan temubual bersama pakar bidang dan individu-individu yang mempunyai pengalaman di dalam usaha-usaha dialog dan juga program keharmonian yang melibatkan masyarakat pelbagai kaum dan agama di Malaysia.

Kluster Fiqh Akbar dan Pandangan Alam Islam

“Worldview of Islam for Living and Leading (W.I.L.L.): Thinking with Wisdom/” “(Pandangan Alam Islam untuk Kehidupan dan Kepimpinan: Berfikir dengan Hikmah)”

Kebanyakan malapetaka buatan manusia disebabkan oleh perbuatan-perbuatan yang timbul daripada kesilapan dalam berfikir. Sebahagian besar kesilapan berfikir pula berpunca daripada pengkotakan ilmu (*compartmentalization of knowledge*) dalam kerangka pendidikan semasa sehingga menghasilkan anggota masyarakat yang bukan sahaja tidak berdaya cipta untuk menghasilkan pembaharuan, tetapi juga mengalami keserabutan akliah (cognitive dissonance); mereka cekap dengan teknologi dan berkebolehan secara teknikal akan tetapi rosak dari segi akhlak dan hilang punca dalam menentukan hala tuju kehidupan.

Worldview of Islam for Living and Leading (W.I.L.L.): Thinking with Wisdom ialah penyelidikan bersifat tindakan (*action research*) di IKIM bertujuan menghasilkan modul-modul

yang memanfaatkan khazanah keilmuan dan peradaban Islam bagi mendepani cabaran-cabaran semasa.

Program ini menumpukan kepada cara berfikir dengan betul sebagai persediaan untuk memimpin dengan baik dan dibangunkan sebagai kursus selama dua atau tiga hari untuk para pengurus, ahli akademik, pembuat dasar dan pelaksana.

Program ini mengandungi enam modul iaitu *Man & Mind* (Manusia & Minda), *The Knowing & Thinking Mind* (Minda Mengetahui dan Berfikir), *Logical Mind* (Minda Mantiqi), *Dialectical Mind* (Minda Dialektik), *Prospective Mind* (Minda Bertadabbur), dan *Strategic Mind* (Minda Berstrategi).

Kluster Fiqh Akbar dan Pandangan Alam Islam

“Kajian Kefahaman Muslim Bandar tentang Kebebasan dan Agama”

Dakwaan mengenai peningkatan kes murtad di Malaysia sering dibangkitkan oleh pelbagai pihak. Namun setakat ini kajian yang objektif dan data empirikal tentang isu murtad di Malaysia serta faktor-faktor yang membawa kepada kecederungan terhadap murtad sangat terhad. Di peringkat global terdapat kajian yang telah dibuat oleh badan-badan penyelidikan seperti PEW Research Center, Yaqeen Institute dan Arab Barometer berkaitan fenomena ateisme dan keluar agama. Kajian-kajian ini mendapati bahawa berlaku peningkatan kecendurungan dalam kalangan masyarakat Islam terutama generasi muda untuk meninggalkan agama seperti di Arab Saudi, Turki, dan Iran.

Berasaskan latar belakang tersebut, sebuah kajian kuantitatif bertajuk “Kefahaman Muslim Bandar Tentang Agama dan Kebebasan” telah dijalankan dari Julai 2019 hingga Februari 2020 bagi memenuhi kelompongan kajian

(research gap) yang dimaksudkan di atas. Kajian ini dijalankan oleh pasukan penyelidik daripada Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Pusat Penyelidikan dan Advokasi Hak Asasi Manusia (CENTHRA), dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Kajian ini bertujuan mendapatkan statistik yang objektif terhadap isu kebebasan beragama dan kecenderungan untuk mengambil mudah mengenai Islam di kalangan masyarakat Muslim bandar. Dari segi pendekatan (methodology), kajian ini mengambil pendekatan kaedah soal-selidik (questionnaire). Pengumpulan kajian melibatkan seramai 595 responden dari 12 zon di Lembah Kelang. Dapatan kajian ini antara lain menunjukkan bahawa kefahaman dan amalan agama tidak menjamin pendirian seseorang terhadap Islam. Hal yang demikian adalah disebabkan wujudnya pengaruh-pengaruh luar seperti ideologi sekularisme, liberalisme dan pluralisme yang menimbulkan kekeliruan terhadap akidah seseorang.

Kluster Fiqh Kontemporari

“Soal Jawab Kefahaman Islam”

Sejak ditubuhkan sehingga kini, IKIM terus berperanan memberi kefahaman Islam kepada masyarakat menggunakan pelbagai saluran. Lazimnya isu berkaitan kefahaman Islam berkisar sekitar beberapa perkara yang bersifat berulang atau semasa. Oleh kerana belum pernah ada penerbitan kompilasi soal-jawab kefahaman Islam dihasilkan, maka penyelidikan ini diusulkan bagi memenuhi keperluan tersebut. Penyelidikan ini menumpukan kepada usaha mengkaji dan menjelaskan isu dan persoalan yang dikenal pasti serta membuat penilaian tambahan terhadap isu-isu berbangkit yang bersifat semasa.

Berdasarkan perancangan penerbitan bahan ini, ia akan dibuat menggunakan pendekatan

mudah, jelas dan tepat. Manakala penyelarasan tema dibahagikan kepada Akidah & Pemikiran (melibatkan persoalan ketuhanan, kerasulan, agama, hakikat ruh, kehidupan dan kematian), Mu'amalah & Kekeluargaan (maqasid al-syariah, dalil, hukum, mazhab, taqlid, takfir, faraid, hak wanita dan isu harta dalam perkahwinan). Manakala tema lain pula terdiri daripada Islam & kepelbagaian (melibatkan hak asasi, hubungan antara kaum, mualaf dan keluarga bukan Islam, ziarah rumah ibadah, persoalan jihad dan keganasan) serta tema Akhlak & Tasawuf meliputi tajuk seperti akhlak dalam media sosial, perihal berita palsu, riak, sum'ah dan lain-lain.

Umumnya, setiap tema mengandungi sekitar 30 makalah soal-jawab ringkas seperti yang diperincikan. Sepanjang penyelidikan berlangsung, penyelidik-penyelidik juga berpeluang membincangkan isu-isu yang bakal diterbitkan ini dalam bentuk perkongsian ilmiah mereka melalui program di Radio IKIM seperti program Fas'aluna, Open Forum dan Syariah & Perundangan.

Kluster Alam Sekitar dan Kelestarian

“Pengurangan Sisa Makanan melalui Program Intervensi berdasarkan Agama”

Kajian “Pengurangan Sisa Makanan melalui Program Intervensi berdasarkan Agama” dijalankan untuk mengurangkan penghasilan sisa makanan di beberapa kawasan sasaran dengan melaksanakan program pengurangan sisa makanan berdasarkan agama. Kajian ini telah dijalankan di beberapa kawasan di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Negeri Sembilan dengan melibatkan responden akhir seramai 77 orang. Tempoh masa kajian ialah selama lebih kurang dua tahun iaitu dari Mac 2018 hingga Mei 2020. Kajian ini merupakan satu kajian berkelompok yang diketuai oleh Universiti Tsukuba, Jepun dan disertai empat organisasi lain, iaitu Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), Institut

Teknologi Antarabangsa Malaysia-Jepun (MJIIT UTM), Perbadanan Teknologi Hijau Malaysia (MGTC) dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). Kajian ini mendapat penajaan daripada Japan International Cooperation Agency (JICA).

Kajian ini dimulakan berikutan masalah penghasilan sisa makanan yang semakin meningkat terutamanya dalam kalangan isi rumah di Malaysia. Peningkatan sisa makanan ini memberi tekanan kepada alam sekitar dan ekonomi negara. Di Malaysia, sebanyak 38,000 tan sisa dihasilkan sehari. Daripada jumlah ini, 15,000 tan ialah sisa makanan. Daripada 15,000 tan sisa makanan tersebut, 20 peratus atau 3400 tan adalah sisa makanan yang boleh dielakkan. Lebih membimbangkan, penghasilan sisa makanan meningkat antara 15 hingga 20 peratus pada musim perayaan iaitu pada bulan Ramadan, Hari Raya Aidilfitri dan Tahun Baharu Cina. Daripada tiga perayaan ini, dua daripadanya melibatkan masyarakat Muslim. Selain itu, pandangan hidup Islam sendiri menolak amalan pembaziran makanan. Oleh sebab itu, kajian ini memberi tumpuan kepada masyarakat Muslim sahaja.

Hasil kajian menunjukkan bahawa berlakunya pengurangan sisa makanan sehingga 26 peratus. Dapatkan ini menunjukkan bahawa kajian ini berjaya menjimatkan RM35,000, mengurangkan sisa sebanyak 3,200 kg dan mengurangkan penghasilan Karbon Dioksida sebanyak 8,000 kg bagi tempoh satu tahun di antara Januari 2019 hingga Januari 2020 dalam kalangan isi rumah kajian ini. Selain itu, hasil lain kajian ini adalah dalam bentuk bahan-bahan pembelajaran (buku kecil), program pengurangan sisa makanan, penulisan dalam jurnal, penulisan bab dalam buku, penulisan kertas kerja, penulisan makalah akhbar dan laman sesawang, buku laporan penyelidikan, poster pengurangan sisa makanan, rancangan radio, kapsul radio dan video *public service announcement*.

Kluster Ekonomi

“Indeks Literasi Kewangan Islam dalam Kalangan Masyarakat Muslim di Malaysia”

Penyelidikan adalah secara kerjasama antara pasukan penyelidik dari Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), bertujuan mengukur tahap literasi kewangan dalam kalangan masyarakat Muslim di Malaysia. Dorongan untuk mengadakan penyelidikan tersebut bertitik tolak daripada beberapa kajian yang dilakukan oleh pihak-pihak, seperti Bank Negara Malaysia (BNM), AKPK, Malaysian Financial Planning Council (MPFC) dan OECD International Network on Financial Education yang mendapati tahap literasi dalam kalangan masyarakat di Malaysia masih lagi kurang memberangsangkan.

Walau bagaimanapun, dapatan-dapatan kajian terdahulu terbatas kepada gambaran umum tahap literasi masyarakat majmuk di Malaysia dan tidak memperincikan tahap literasi dalam kalangan Muslim yang merupakan penduduk majoriti di negara ini. Justeru, pasukan penyelidik ini berpandangan satu usaha bagi mengukur tahap literasi kewangan dalam kalangan umat Islam di Malaysia perlu digerakkan. Berdasarkan perancangan yang dibuat, proses pengukuran tahap literasi kewangan dalam kalangan masyarakat Islam ini dimulakan dengan pengajuran sebuah muzakarah pakar bagi mendapatkan pandangan dan maklum balas serta input-input yang berguna daripada semua pemegang taruh literasi kewangan Islam.

Seterusnya satu projek kaji selidik akan dibuat ke atas responden-responden terpilih di sekitar Lembah Klang. Berdasarkan dapatan kajian nanti, pihak-pihak yang berkaitan boleh melaksanakan gerakan susulan yang bersesuaian bagi agenda atau program celik kewangan dalam kalangan penduduk Muslim di negara ini.

Kluster Ekonomi

“Gaji Kehidupan Wajar dan Perbahasannya dalam Islam”

Bank Negara Malaysia (BNM) telah menganggarkan “gaji kehidupan wajar” (the living wage) bagi Kuala Lumpur adalah sebanyak RM2,700 bagi individu bujang, RM4,500 bagi pasangan tanpa anak dan RM6500 bagi pasangan dengan dua orang anak untuk tahun 2016. Konsep ini berbeza dengan perlaksanaan “gaji minimum” yang merujuk aras ganjaran minimum dan menimbalangkan kesan kepada pengwujudan pekerjaan. Konsep “gaji kehidupan wajar” dilihat menyumbang kepada kehidupan manusia yang lebih baik dan bermakna kerana mengetengahkan keperluan isi rumah untuk memperoleh taraf hidup minimum yang boleh diterima masyarakat setempat. Perkara ini termasuklah menyediakan peluang untuk turut serta dalam masyarakat dari segi sosial dan perlindungan kewangan.

Dalam Islam, pemerhatian tentang konsep “gaji kehidupan wajar” ini ada kaitan dengan usaha menangani kemiskinan, memenuhi daruriyyat (keperluan) dan sebahagian daripada hajiyah (kehendak) sebagai matlamat kehidupan. Kajian ini dijalankan untuk melihat konsep “gaji kehidupan wajar” daripada perspektif Islam dan meneroka hakikat kehidupan manusia dalam erti kata yang lebih luas—daripada memenuhi keperluan minimum sahaja—demi mencapai kejayaan di dunia dan akhirat. Penyelidik terdiri daripada penyelidik pusat-pusat kajian akademik Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), menerusi kaedah kajian kepustakaan. Untuk menambah nilai kajian, para penyelidik turut mendapatkan pandangan pakar daripada beberapa ilmuwan dalam bidang fiqh muamalat, syariah dan juga ekonomi berkaitan “gaji kehidupan wajar” dan perbahasannya dalam Islam.

Kluster Pendidikan

“Hubungan Guru-Murid dalam Makmal Sains di Universiti dan Sekolah: Pengalaman Jepun dan Malaysia – Berserta Rujukan Selari Terhadap Tradisi Pendidikan Islam”

Dalam pendidikan sains, makmal merupakan komponen penting dalam membangkitkan minat pelajar terhadap sains. Perbincangan mengenai hubungan guru-murid dalam makmal merupakan sesuatu yang perlu bagi melihat kemerosotan minat terhadap sains dan hubungannya dengan suasana pengajaran dan pembelajaran (PdP) di makmal. Fenomena kemerosotan minat terhadap sains dapat diperhatikan berlaku di Malaysia berdasarkan trend penurunan kemasukan ke bidang sains sejak tahun 2006.

Kajian ini melibatkan penyelidik dari Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dengan kerjasama ahli penyelidik dari Universiti Malaya (UM) dan Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU). Penyelidikan ini menumpukan kepada perbandingan rentas budaya berkaitan hubungan guru-murid dalam makmal sains antara Jepun dengan Malaysia juga dengan tradisi Pendidikan Islam. Tiga skop utama dikenal pasti untuk dikupas menerusi penyelidikan ialah: (1) Sistem organisasi dan hubungan sosial makmal sains; (2) Genealogi akademik; dan (3) Sistem pementoran.

Dalam aspek sistem organisasi dan hubungan sosial makmal sains, kajian ini meniti amalan hierarki; seperti di Madrasah Nizammiyah dan universiti-universiti di Jepun. Dalam aspek genealogi akademik, kajian ini meneliti beberapa perkara seperti tradisi pengajian Islam melalui silsilah tarekat, isnād Hadith, dan juga isnād kitab yang dipelajari melalui tradisi sanad dan tradisi ijazah. Di Malaysia genealogi akademik dilihat dalam kelompok tertentu bidang bukan sains tetapi tidak ketara dalam kelompok sains. Di Jepun, konsep “inbreeding” yang secara tradisinya diamalkan di universiti

atau pusat penyelidikan Jepun juga melahirkan rantaian genealogi akademik yang kukuh. Dalam aspek sistem permentoran pula, kajian ini meneliti kejayaan sistem kouza di Jepun serta tradisi talaqqi dan suhbah dalam tradisi pendidikan Islam.

Berdasarkan pengalaman Jepun dan tradisi Pendidikan Islam, kajian ini mengesyorkan beberapa perkara. Pertama, hubungan guru-murid secara berhierarki dan berorganisasi perlu diberikan penekanan semula dalam PdP di Malaysia dengan mewujudkan kelompok pembelajaran yang berstruktur dalam kalangan pelajar di sekolah yang dibimbing oleh seorang guru yang berpengalaman. Kedua, hierarki yang jelas dalam hubungan guru-murid terutamanya pada peringkat yang lebih tinggi seperti di universiti perlu diperkuatkan menerusi penglibatan ahli akademik berpengalaman seperti profesor yang senior sebagai ketua, ahli-ahli akademik yang junior (termasuk pasca doktorat) dan juga pelajar pascasiswazah. Ketiga, sistem pementoran diperkasakan bagi mempertingkatkan penguasaan bidang sains khususnya menerusi aktiviti penyelidikan di dalam makmal.

Kluster Pendidikan

“Pemetaan Modul Integrasi Islam dan Sains dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sains”

IKIM sentiasa memberikan perhatian terhadap usaha mengintegrasikan ilmu pengajian Islam dengan sains sama ada pada peringkat sekolah, pendidikan tinggi mahupun di kalangan masyarakat umum. Integrasi yang berkesan dalam peringkat pengajaran dan pembelajaran memerlukan bahan-bahan pengisian yang bermutu.

Pada peringkat menengah, terdapat modul yang dibangunkan oleh guru sains untuk mengintegrasikan aspek tadabbur al-Quran dengan pembelajaran sains, serta usaha oleh guru agama untuk memperkayakan

Pendidikan Islam dengan aspek saintifik. Pada peringkat pendidikan tinggi, beberapa universiti, seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah menggunakan beberapa pendekatan untuk mengintegrasikan sains dalam kurikulum pengajian Islam mereka. Selain itu, terdapat juga bahan-bahan dalam bentuk buku seperti buku bertajuk “Natural Science from the Worldview of the Quran” yang disunting oleh Profesor Ulung Tan Sri Dr. Kamal Hassan dengan kerjasama pasukan penyelidik dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Bagaimanapun, usaha integrasi yang dijalankan mempunyai cabaran tersendiri. Kebanyakan modul dan manual berkaitan integrasi Islam dengan sains bersifat eksklusif dan terbatas kepada institusi yang menjalankan usaha membangunkannya. Pada waktu yang sama, guru mempunyai kekangan dalam memahami dan menggunakan bahan-bahan yang dibangunkan oleh para penyelidik. Kesannya, modul dan bahan ini tidak dapat digunakan pada peringkat pendidikan arus perdana.

IKIM mengambil inisiatif untuk meneraju penyelidikan berkenaan modul integrasi Islam dan sains sedia ada sebagai langkah kritikal dalam mengarusperdanakan modul ini. Oleh yang demikian, kajian yang sedang berjalan ini diusahakan untuk menganalisis usaha dan modul-modul yang dibangunkan untuk diarusperdanakan dan digunakan dalam pendidikan. Objektif kajian ini, ialah: (1) Memetakan usaha-usaha integrasi Islam dengan sains yang dijalankan oleh pelbagai pihak; (2) Mengenal pasti dan menganalisis bahan-bahan berkaitan dengan integrasi Islam dengan sains; dan (3) Mencadangkan elemen-elemen penting dalam modul integrasi Islam dengan sains.

Dalam menjalankan kajian ini, IKIM melibatkan pengkaji-pengkaji yang mempunyai

pengalaman dalam bidang ini dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan juga bekas pendidik yang membangunkan modul integrasi sains dan Islam.

Kluster Pendidikan

“Pelaksanaan Integrasi Kaedah Aqli dan Naqli dalam Kurikulum Pendidikan Islam di Malaysia”

Penerapan pemikiran yang seimbang antara aqal dengan wahyu perlu dimulai dengan sistem pendidikan. Kaedah pembelajaran ini telah dimasukkan dalam kurikulum mata pelajaran Pendidikan Islam. Penyelidikan ini dilaksanakan bertujuan menilai perlaksanaan integrasi kaedah aqli dan naqli dalam pengajaran dan pembelajaran kurikulum Pendidikan Islam di sekolah-sekolah Malaysia. Projek penyelidikan ini mendapat kerjasama Bahagian Pendidikan Islam. (BPI), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan institusi pengajian tinggi iaitu UPM, UPSI dan KUIS. Pembahagian zon telah dibuat pada peringkat awal dengan mengambil kira taburan sekolah mengikut demografi bandar, luar bandar dengan pecahan zon iaitu Tengah, Selatan, Timur, Utara, Zon Sabah dan Sarawak.

Kajian ini telah melalui beberapa peringkat yang dibahagikan mengikut fasa bermula dari pembangunan instrumen, kajian lapangan, analisa dapatan dan penyediaan laporan. Fokus kajian terhadap guru dan murid meliputi enam bidang mata pelajaran Pendidikan Islam iaitu Ibadah, Akhlak, Sirah, al-Quran dan Hadis. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat enam tema utama yang muncul dari objektif penyelidikan ini iaitu ilmu merentasi kurikulum, kaedah integrasi aqli naqli, kaitan rentas bidang, gabungan al-Quran dan hadis, keberkesanan dan penghayatan integrasi ilmu aqli dan naqli.

Dapatan awalan mendapati bahawa berlaku integrasi kaedah aqli dan naqli dalam Pendidikan Islam di sekolah berdasarkan

kurikulum yang disediakan oleh KPM bagi kurikulum Pendidikan Islam. Berdasarkan pemerhatian juga, mata pelajaran lain, seperti sains tidak menggabungkan kaedah ini. Dapatan ini menunjukkan ruang penyelidikan lanjutan sebab dan cara untuk melaksanakan integrasi kaedah terhadap mata pelajaran lain. Penyelidikan ini menjangkakan cadangan perkara-perkara penting untuk meningkatkan keberkesanan perlaksanaan integrasi kaedah aqli dan naqli.

BAB 4

PENERBITAN

PENERBITAN

Penerbitan karya yang bermutu tinggi merangkumi buku dan jurnal. Gabungan genre-genre ini bertujuan menyebarluaskan pengetahuan dan kefahaman Islam kepada khalayak tempatan dan antarabangsa.

Tahun 2020 merupakan tahun mencabar bagi industri perbukuan kerana pada 1 April 2020 Kuala Lumpur telah diisytiharkan sebagai Kota Buku Dunia UNESCO ke-20, namun demikian, sambutannya terjejas teruk akibat pandemik Covid-19 dan pelbagai kekangan berikut arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula dari 18 Mac 2020. Akibatnya beberapa majlis dan acara tahunan seperti Pesta Buku dibuat secara dalam talian sementara Majlis Anugerah Buku Negara ditangguhkan.

Walaupun dihambat dengan kekangan-kekangan tersebut, Penerbit IKIM berjaya menerbitkan lima (5) buah buku karya baharu, dua (2) jurnal versi dalam talian dan dua (2) jurnal versi bercetak, dan tiga (3) buah buku ulang cetak seperti yang berikut:

SENARAI PENERBITAN BAHARU 2020			
BIL.	TAJUK	NAMA PENULIS/ PENYUNTING/ PENTERJEMAH	JENIS KARYA
1.	Ahmad Ibrahim: Sahsiah, Pemikiran dan Sumbangan Ilmiah	Siti Shamsiah bt. Md. Supi	Suntingan
2.	Islam dan Mata Wang Kripto: Tinjauan Awal Pelbagai Dimensi	Mohd Noor b. Omar	Suntingan
3.	Islam, Kesihatan Mental dan Neuropsikiatri	Mohd Zaidi b. Ismail Norkumala bt. Awang	Suntingan
4.	Islam dan Wabak: Pengajaran daripada Covid-19	Mohammad A'sim b. Ismail	Suntingan
5.	<i>Islam and Pandemics: Lessons From Covid-19</i>	Mastura bt. Mohd Zain Mohammad A'sim b. Ismail	Suntingan

SENARAI JURNAL 2020

BIL.	TAJUK	NAMA PENULIS/ PENYUNTING/ PENTERJEMAH	JENIS KARYA
1.	TAFHIM Volume 13, Number 1 (June 2020)	Nik Roskiman b. Abdul Samad <i>(Managing Editor)</i>	Jurnal
2.	TAFHIM Volume 13, Number 2 (December 2020)	Nik Roskiman b. Abdul Samad <i>(Managing Editor)</i>	Jurnal

SENARAI BUKU ULANG CETAK 2020

BIL.	TAJUK	NAMA PENULIS/ PENYUNTING/ PENTERJEMAH	JENIS KARYA
1.	Aqal dalam Islam-Satu Tinjauan Epistemologi	Mohd Zaidi b. Ismail	Karya Asli, Cetakan ke 4
2.	Faraid dan Perancangan Pewarisan Harta Beku, Bidang Kuasa dan Amalan di Malaysia	Muhammad Hisyam b. Mohamad & Siti Shamsiah bt. Md. Supi	Suntingan, Cetakan ke-2
3.	<i>Science and Sustainable Development</i>	Azrina bt. Sobian	Suntingan, Cetakan ke-2

Selain penerbitan buku, IKIM juga menghasilkan penulisan artikel di akhbar-akhbar tempatan yang terpilih seperti Utusan Malaysia, Berita Harian, New Straits Times, laman sesawang seperti BH Online, NST Online, Bernama.com dan Malakat Tribune untuk memberi kefahaman kepada masyarakat dalam memberi ulasan terhadap isu semasa seperti yang berikut

1. WACANA IKIM DI AKHBAR

BERITA HARIAN

BIL.	TARIKH	TAJUK	PENULIS
1.	21.4.2020	Bersedekah Wajar Diteruskan Walaupun dalam Situasi Wabak	Dr.Ayman Al-Akiti (Fellow Kehormat IKIM)
2.	15.5.2020	Tambah Surau boleh Kendali Solat Jumaat	Dr.Ayman Al-Akiti (Fellow Kehormat IKIM)
3.	2.1.2020	Pendakwah, Pengasas Tirmidhi Centre Meninggal Dunia	Dr.Ayman Al-Akiti (Fellow Kehormat IKIM)

BIL.	TARIKH	TAJUK	PENULIS
4.	8.5.2020	Pertimbang Buka Semula Masjid	Dr.Ayman Al-Akiti (Fellow Kehormat IKIM)
5.	10.7.2020	Ibadah Korban lebih Afdal dalam Negara	Dr.Ayman Al-Akiti (Fellow Kehormat IKIM)
6.	10.1.2020	Merokok Bukan Amalan Murni	Encik Khairul Azhar b. Idris
7.	12.1.2020	Hapus Status ‘Halimunan’ Anak Tak Bernegara Dalam Pendidikan.	Cik Wan Roslili bt. Abd Majid
8.	14.1.2020	Contohi Thunberg ‘ubah dunia’	Pn. Azrina bt. Sobian
9.	16.1.2020	Dasar Inklusif Pendidikan Hapus Diskriminasi OKU	Encik Khairul Azhar b. Idris
10.	18.1.2020	Pusat Jagaan Kanak-kanak (PJK) yang Bermutu dan Mampu Milik.	Pn. Siti Fatimah bt. Abdul Rahman
11.	23.1.2020	Kesepakatan demi Kebajikan Rakyat, Kedaulatan Negara	Pn. Enizahura bt. Abdul Aziz
12.	25.1.2020	Buktikan WKB Gagasan Idea Mentaliti Bangsa	Pn. Siti Shamsiah bt. Md Supi
13.	25.1.2020	Usah Salah Guna Konsep ‘Itqan’ Eksplotasi Pekerja	Pn. Nur Syahidah bt. Abdul Jalil
14.	31.1.2020	Harmonikan Hubungan Masyarakat Pelbagai Kaum	Pn. Enizahura bt. Abdul Aziz
15.	08.2.2020	Islam Cela Ilmuan tidak Manfaat Ilmu Untuk Kebaikan	En. Md Asham b. Ahmad
16.	12.2.2020	Siasah Syar’iyah Elak Kemudaratian	Pn. Siti Shamsiah bt. Md Supi
17.	15.2.2020	Usaha Rapatkan Jurang Gender Perlu Babit Pelbagai Dasar	Pn. Siti Fatimah bt. Abdul Rahman
18.	20.2.2020	Perbetul Persepsi Makanan Sunnah	Pn. Norkumala bt. Awang
19.	2.3.2020	Covid-19 Jadi Iktibar, Pengawasan Jangka Panjang	Dr. Nor Azaruddin Husni b. Nuruddin
20.	17.3.2020	Bersabar terhadap Pemimpin	En. Md Asham b. Ahmad

BIL.	TARIKH	TAJUK	PENULIS
21.	10.4.2020	Duduk di Rumah Tak Sehebat Dugaan Barisan Hadapan	Pn. Siti Fatimah bt. Abdul Rahman
22.	19.4.2020	Jangan Minta Jadi Pemimpin Jika Tak Mampu Pikul Amanah	Dr. Nik Roskiman b. Abdul Samad
23.	27.4.2020	Sambutan Ramadan Berbeza Elak Mudarat Lebih Besar	Cik Wan Roslili bt. Abd Majid
24.	15.5.2020	Mendidik Keluarga Urus Makanan Elak Pembaziran	Pn. Azrina bt. Sobian
25.	24.5.2020	Raikan Syawal Penuh Keinsafan Seiring Tuntutan Normal Baharu	Pn Siti Shamsiah bt. Md Supi
26.	29.5.2020	Tindakan terhadap PATI ikut Undang-Undang, Kemanusiaan	Pn. Nursyahidah bt. Abdul Jalil
27.	4.6.2020	Syor Pinda Akta 333 Biar jadi Kenyataan	Cik Wan Roslili bt. Abdul Majid
28.	13.6.2020	Kekalkan Kelestarian Alam Berdasarkan Fitrah Kejadian	Pn. Rosmidzatul Azila bt. Mat Yamin
29.	19.6.2020	Pemimpin perlu contohi kesediaan Sayidina Umar terima kritikan	Dr. Nik Roskiman b. Abdul Samad
30.	29.6.2020	Kemajuan Sebenar perlu Bersumber Falsafah Islam	En. Muhammad Syafiq b. Borhannuddin
31.	3.7.2020	Hati Bahagia Baik untuk Kesihatan	Dr. Mohd Sani b. Badron
32.	8.7.2020	Data Statistik perlu Huraian Pakar	En. Mohammad Mustaqim b. Malek
33.	16.7.2020	Malaysia perlu Pertingkatkan Keupayaan Fasa Pemulihan	En. Mohd Noor b. Omar
34.	24.7.2020	Perdebatan Ilmiah Sihat Perkaya Khazanah Keilmuan	Dr. Mohd Farid b. Mohd Shahran
35.	3.8.2020	Kaji, Contohi Faham Kemajuan Empayar Uthmaniyyah	En. Muhammad Syafiq b. Borhannuddin
36.	8.8.2020	Kongsi Untung, Bina Kesetiaan Jadi Aset Perniagaan	En. Mohd Noor b. Omar

BIL.	TARIKH	TAJUK	PENULIS
37.	25.8.2020	Rasuah Perosak Bangsa Merdeka	Pn Siti Shamsiah bt. Md Supi
38.	20.9.2020	Carilah 70 Alasan untuk Bersangka Baik	En. Mohammad Mustaqim b. Malek
39.	23.9.2020	Tingkat Kesedaran Diet Seimbang, atasi Isu Malnutrisi	Pn. Norkumala b. Awang
40.	30.9.2020	Manfaat Teknologi Tangani Pencerobohan Hutan Simpan.	En. Nor Azaruddin Husni b. Nuruddin
41.	12.10.2020	Garap, dalami Isu Kesihatan Mental secara Ilmiah	Dr. Mohd Zaidi b. Ismail
42.	31.10.2020	Kemusnahan Terumbu Terbesar ‘Isyarat’ Ancaman Sejagat	Pn. Rosmidzatul Azila bt. Mat Yamin
43.	1.11.2020	Panik punca Terdedah Penipuan Macau Scam	Pn. Nursyahidah bt. Abdul Jalil
44.	11.11.2020	Elak Tempat Kerja jadi Pusat Merebak Pandemik	Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen b. Shaikh Mohd Salleh
45.	20.11.2020	Kenali Rasulullah Melalui Sumber Ilmu Sebenar	Dr. Mohd Farid b. Mohd Shahran
46.	25.11.2020	Islam Haram Arak bersandarkan Justifikasi Kukuh, Rasional	En. Muhammad Hisyam b. Mohamad
47.	27.12.2020	Akal Muslim bukan Pak Turut Muntahan Sumber Asing	Dr. Mohd Zaidi b. Ismail

NEW STRAITS TIMES

BIL.	TARIKH	TAJUK	PENULIS
1.	16.1.2020	<i>Religious Limits on Reproductive Organ Donation</i>	En. Mohamad Mustaqim b. Malek
2.	31.1.2020	<i>Engaging in Intercultural Dialogue the Way to Go</i>	Pn. Enizahura bt. Abdul Aziz
3.	13.3.2020	<i>Muslims Must Bear in Mind Consequences of Spreading Untruths</i>	Dr. Nik Roskiman b. Abdul Samad

BIL.	TARIKH	TAJUK	PENULIS
4.	20.3.2020	<i>We are Given Enough to Survive, but We Must Manage Resources</i>	Pn. Nur Syahidah bt. Abdul Jalil
5.	26.3.2020	<i>Following Official Policy for Public Good</i>	En. Mohammad Mustaqim b. Malek
6.	7.4.2020	<i>Healthy Environment will Determine Our Health</i>	Pn. Azrina bt. Sobian
7.	17.4.2020	<i>When Sharing is not Necessarily Caring</i>	Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen b. Shaikh Mohd Salleh
8.	2.5.2020	<i>Staying True to Ramadan Spirit</i>	Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen b. Shaikh Mohd Salleh
9.	5.5.2020	<i>Fintech Eases Ramadan Charity during MCO period.</i>	En. Muhammad Hisyam b. Mohamad
10.	8.5.2020	<i>Ignorance, Obsstinacy make groups Vulnerable Virus</i>	En. Md Asham b. Ahmad
11.	22.5.2020	<i>Embrace New Norm to Higher Purpose of Syariah</i>	Pn. Enizahura bt. Abdul Aziz
12.	12.6.2020	<i>Racism can bring down a Nation</i>	Pn. Enizahura bt. Abdul Aziz
13.	12.6.2020	<i>Syariah based Norms in Finance a Policy choice</i>	En. Mohd Noor b. Omar
14.	5.7.2020	<i>Enhance support for healthy ageing</i>	Pn. Nur Syahidah bt. Abdul Jalil
15.	9.7.2020	<i>New Normal Acceptance, Understanding the Best Preparation</i>	Pn. Siti Fatimah bt. Abdul Rahman
16.	24.7.2020	<i>Maintaining the Trust in Science</i>	Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen b. Shaikh Mohd Salleh
17.	1.8.2020	<i>Covid-19 Battle Requires Sacrifice</i>	En. Muhammad Hisyam b. Mohamad
18.	7.8.2020	<i>It's about the Optimal Food Requirement of Household</i>	Pn. Nur Syahidah bt. Abdul Jalil

BIL.	TARIKH	TAJUK	PENULIS
19.	10.8.2020	<i>Small Wedding Reception is Best</i>	Pn. Siti Fatimah bt. Abdul Rahman
20.	15.8.2020	<i>Strong Faith is Best Solution</i>	Dr. Nik Roskiman b. Abdul Samad
21.	29.8.2020	<i>Discarded Face Masks a Crisis in The Making</i>	Pn. Azrina bt. Sobian
22.	7.9.2020	<i>Caring for One Another Will Surely Forge a Strong Bond</i>	Cik Wan Roslili bt. Abdul Majid
23.	10.9.2020	<i>All Have Duty to Ansure Welfare of Animals</i>	Pn. Rosmidzatul Azila bt. Mat Yamin
24.	15.9.2020	<i>Loving This Nation We Call Home</i>	Pn. Enizahura bt. Abdul Aziz
25.	17.9.2020	<i>Being Free from Hatred and Suspicion</i>	Dr. Nik Roskiman b. Abdul Samad
26.	2.10.2020	<i>When Ilness caused by Fatigue is Misconstrued As Attitude, Disciplinary Issues</i>	En. Khairul Azhar b. Idris
27.	10.10.2020	<i>The Priority of Preventing Harm in Society</i>	Dr. Mohd Farid b. Mohd Shahran
28.	13.10.2020	<i>The challenge of Verifying Information</i>	Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen b. Shaikh Mohd Salleh
29.	16.10.2020	<i>Leaders Should Be True to Their Words</i>	En. Mohammad Mustaqim b. Malek
30.	31.10.2020	<i>A Questuin of 'Adab' In Relation to Civilisation</i>	En. Muhammad Syafiq b. Borhannuddin
31.	6.11.2020	<i>Knowledge Key to Solving Frozen Property Issue</i>	Pn Siti Shamsiah bt. Md Supi
32.	27.11.2020	<i>Families Require Greater Support to Achieve 'We Take Care of The Family Goal</i>	Pn. Siti Shamsiah bt. Md Supi
33.	17.12.2020	<i>Make Wise Choices to Minimize Environmental Impact</i>	Pn. Azrina bt. Sobian
34.	19.12.2020	<i>Access to Clean Water, Safe Habitat is Possible</i>	Pn. Rosmidzatul Azila bt. Mat Yamin

BIL.	TARIKH	TAJUK	PENULIS
35.	31.12.2020	<i>Do More to Curb Domestic Violence</i>	Cik Wan Roslili bt. Abdul Majid

UTUSAN MALAYSIA

BIL.	TARIKH	TAJUK	PENULIS
1.	1.9.2020	Jangan Mudah Mengkafirkan Orang	Dr.Ayman Al-Akiti (Fellow Kehormat IKIM)
2.	15.9.2020	Masjid Sebagai Pusat Ilmu Dunia	Dr.Ayman Al-Akiti (Fellow Kehormat IKIM)
3.	18.8.2020	Kepentingan Salasilah dalam Tarekat	Dr.Ayman Al-Akiti (Fellow Kehormat IKIM)
4.	8.12.2020	Memahami Kaedah <i>Sadd Al-Dhari'ah</i>	Dr.Ayman Al-Akiti (Fellow Kehormat IKIM)
5.	24.11.2020	Maghribi Bumi Aulia	Dr.Ayman Al-Akiti (Fellow Kehormat IKIM)
6.	27.10.2020	Perayaan Maulid Simbol Cinta Rasulullah SAW	Dr.Ayman Al-Akiti (Fellow Kehormat IKIM)
7.	21.7.2020	Mentaati Ulil Amri Kunci Melawan Pandemik Covid-19	Dr.Ayman Al-Akiti (Fellow Kehormat IKIM)
8.	13.10.2020	<i>Dala'il Al-Khayrat</i> Kitab Selawat terkenal	Dr.Ayman Al-Akiti (Fellow Kehormat IKIM)
9.	10.11.2020	Mengurus Khilaf Ulama	Dr.Ayman Al-Akiti (Fellow Kehormat IKIM)
10.	8.6.2020	Perpaduan Pondok Tunas Perkasa Ahli Sunnah Wal Jamaah	Dr.Ayman Al-Akiti (Fellow Kehormat IKIM)
11.	29.9.2020	Memartabatkan Institusi Fatwa Malaysia	Dr.Ayman Al-Akiti (Fellow Kehormat IKIM)
12.	22.12.2020	Bersuhbah menuntut ilmu	Dr.Ayman Al-Akiti (Fellow Kehormat IKIM)
13.	24.7.2020	Rosak Pemikiran Dengan ‘Sentuhan’	En. Md Asham b. Ahmad

BIL.	TARIKH	TAJUK	PENULIS
14.	31.7.2020	Aidiladha, Heroism Sukar Dipisahkan	Dr. Mohd Sani b. Badron
15.	7.8.2020	Persamaan Perang Uhud Dan Covid-19	Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen b. Shaikh Mohd Salleh
16.	14.8.2020	ID Biometrik Kaedah Kekang Rasuah	Dr. Nor Azaruddin Husni bt. Nuruddin
17.	28.8.2020	Jangan Tunggu Sampai Rosak	Pn. Nur Syahidah bt. Abdul Jalil
18.	16.9.2020	Istimewanya Angka 57, 63	Dr. Mohd Sani b. Badron
19.	25.9.2020	Moratorium dari Perspektif Islam	En. Muhammad Hisyam b. Mohamad
20.	2.10.2020	Tugas Ilmuan Tangani Sekularisasi	En. Md. Asham b. Ahmad
21.	9.10.2020	Ramai tidak Pandai Urus Harta	Pn Siti Shamsiah bt. Md Supi
22.	17.10.2020	Alpa Penyebab Gelombang Ketiga	Pn. Enizahura bt. Abdul Aziz
23.	7.11.2020	Kenapa Musnahkan Kehidupan?	Pn. Azrina bt. Sobian
24.	13.11.2020	Menanti Berakhir Episod Duka	Cik Wan Roslili bt. Abdul Majid
25.	20.11.2020	Kamu Belum Mengandung Lagi?	Pn. Siti Fatimah bt. Abdul Rahman
26.	27.11.2020	Apa Sudah Jadi dengan Kita?	Pn. Enizahura bt. Abdul Aziz
27.	4.12.2020	Tamadun Islam Cegah Wabak Zoonotik	Dr. Mohd Sani b. Badron
28.	12.12.2020	Ikhtiar Vaksin Daripada Ibrah Al-Quran	Pn. Norkumala bt. Awang
29.	18.12.2020	Bukan Gaji Kecil Punca Rasuah	En. Muhammad Hisyam b. Mohamad
30.	25.12.2020	Pasca Covid-19 Isu Dan Cabaran	Dr. Nor Azaruddin Husni b. Nuruddin

BIL.	TARIKH	TAJUK	PENULIS
31.	8.1.2020	Belum Masa Ucap Selamat Tinggal	En. Khairul Azhar b. Idris
ARTIKEL TAMBAHAN (TIDAK BERJADUAL)			
1.	21.8.2020	Hijrah Tuntut Norma Baharu	Dr. Nik Roskiman b. Abdul Samad
2.	4.9.2020	Lestarikan Maharddika Kita	Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin
3.	11.9.2020	Hargai Sumbangan Perjuangan Akhbar Kita	Cik Wan Roslili bt. Abdul Majid
4.	23.10.2020	Harga Sebuah Penghinaan	En. Md Asham b. Ahmad
5.	30.10.2020	Sains Rakyat dalam Era Covid-19	Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin

MALAKAT TRIBUNE

BIL.	TARIKH	TAJUK	PENULIS
1.	25.5.2020	Perdagangan Mata Wang Asing dalam Talian	En. Mohd Noor b. Omar
2.	26.5.2020	Mengubah Cara Berfikir Saat Menghadapi Dugaan Getir	Dr. Mohd Farid b. Mohd Shahran

LAMAN WEB IKIM/ARTIKEL TIDAK DISIAR AKHBAR

BIL.	TARIKH	TAJUK	PENULIS
1.	8.1.2020	Masyarakat 5.0 dan Konsep Peradaban Masa Depan	Dr. Nor Azaruddin Husni b. Nuruddin
2.	8.1.2020	<i>Truth And Reasonable Way of Thinking</i>	Dr. Mohd Farid b. Mohd Shahran
3.	21.1.2020	<i>The Digitalised Barter Trade System</i>	En. Mohd Noor b. Omar
4.	10.2.2020	<i>Civic Engagement & Good Governance</i>	Dr. Mohd Sani b. Badron

BIL.	TARIKH	TAJUK	PENULIS
5.	14.2.2020	Wawasan Kemakmuran Bersama Satu Tuntutan	En. Khairul Azhar b. Idris
6.	19.2.2020	<i>Why A Strong Religious Education Is Needed?</i>	Dr. Mohd Farid b. Mohd Shahran
7.	9.3.2020	<i>Islam, Justice & Good Governance</i>	Dr. Mohd Sani b. Badron
8.	9.3.2020	<i>Biodiversity Decline: A Crisis That Needs To Be Addressed</i>	Pn. Rosmidzatul Azila bt. Mat Yamin
9.	10.3.2020	<i>Islamic View on The Role of The Government</i>	Dr. Shaikh Mohd Saifuddeen b. Shaikh Mohd Salleh
10.	16.3.2020	Haiwan Eksotik: Perspektif Pemakanan, Ekologi dan Agama	En. Muhammad Mustaqim b. Malek
11.	30.3.2020	Covid-19 Iktibar untuk Melindungi Haiwan Liar	Pn. Rosmidzatul Azila bt. Mat Yamin
12.	30.3.2020	Dompet Digital (E-Wallet) dan Perlindungan Data Peribadi	Dr. Nor Azaruddin Husni b. Nuruddin
13.	6.4.2020	Jadikan Pembangunan Mampan Agenda Semua Pihak	Pn. Azrina bt. Sobian
14.	6.4.2020	<i>Are Our Youth Insufficiently Inspired to Reach Greater Heights?</i>	En. Muhammad Syafiq b. Borhannuddin
15.	10.4.2020	Pertahankan Nyawa dengan Ilmu	En. Muhammad Husni b. Mohd Amin
16.	22.4.2020	Iktibar Covid-19 untuk Ubah Pemikiran dan Gaya Hidup	Encik Khairul Azhar b. Idris
17.	4.5.2020	Mengubah Cara Berfikir Saat Menghadapi Dugaan Getir	Dr Mohd Farid b. Mohd Shahran
18.	4.5.2020	Hikmah PKP terhadap Alam Sekitar	Pn. Rosmidzatul Azila bt. Mat Yamin
19.	8.5.2020	Perdagangan Mata Wang Asing dalam Talian	En. Mohd Noor b. Omar
20.	18.5.2020	<i>Let Knowledge Keep Us Alive During Catastrophes</i>	En. Muhammad Husni b. Mohd Amin

BIL.	TARIKH	TAJUK	PENULIS
21.	21.5.2020	<i>Celebrating Ramadan Amid The Pandemic</i>	Pn. Norkumala bt. Awang
22.	12.6.2020	Kedaulatan Makanan Negara Semasa Krisis Pandemic: Di Manakah Peranan Kita?	Pn. Norkumala bt. Awang
23.	12.6.2020	PKP Dedah Masalah Literasi Kewangan	En. Muhammad Hisyamb. Mohamad
24.	28.6.2020	Kehidupan Pasca PKP/ PKPB	Pn. Siti Fatimah bt. Abdul Rahman
25.	1.8.2020	Wilayah Ilmu Para Alim Ulama	En. Muhammad Husni b. Mohd Amin

LAIN-LAIN/ONLINE

BIL.	TARIKH	TAJUK	PENULIS	MEDIA
1.	14.4.2020	<i>Science, Religion Amidst Covid-19 Pandemic</i>	Dr. Mohd Zaidi b.Ismail	NST Online
2.	23.4.2020	<i>Pandemic Forcing Us to Reshape The World</i>	En. Muhammad Syafiq b. Borhannuddin	NST Online
3.	28.4.2020	<i>MCO Test to Improve The Quality of Fasting</i>	Pn. Siti Fatimah bt. Abdul Rahman	NST Online
4.	29.4.2020	Covid-19: Ganjaran Ibadah Sama kerana Masyaqqah	Dr. Nik Roskiman b. Abdul Samad	Bernama.com
5.	6.6.2020	<i>Time To Redefine Meaning Of True Progress</i>	En. Muhammad Syafiq b. Borhannuddin	NST Online
6.	11.6.2020	<i>Curbing Pandemic Benefiting Mankind, Environment</i>	Dr. Nor Azaruddin Husni b. Nuruddin	NST Online
7.	12.6.2020	<i>Racism Can Bring Down A Nation</i>	Pn. Enizahura bt. Abdul Aziz	NST Online
8.	23.6.2020	<i>Appreciating The Almighty's Unique Creations</i>	En. Mohammad Mustaqim b. Malek	NST Online

BIL.	TARIKH	TAJUK	PENULIS	MEDIA
9.	26.6.2020	<i>RMCO Success Depends on The People's Willingness To Change Attitudes</i>	Pn. Norkumala bt. Awang	NST Online
10.	4.7.2020	<i>A Need For Monitoring, Managing Workplace Mental Health</i>	En. Khairul Azhar b. Idris	NST Online
11.	18.7.2020	<i>Khurasan, An Exemplar In Civilizational Development</i>	En. Muhammad Husni b. Mohd Amin	NST Online
12.	24.7.2020	<i>Man's Duty to Live a Decent Life</i>	Cik Wan Roslili bt. Abdul Majid	NST Online
13.	31.7.2020	<i>One's Entire Life Is a Trial by The Creator</i>	Dr. Mohd Zaidi b. Ismail	NST Online
14.	22.9.2020	<i>Islamic Fintech Answer to Economic Stability</i>	En. Mohd Noor b. Omar	NST Online
15.	27.9.2020	<i>Treating The Pandemic of Disease, Discord</i>	En. Muhammad Husni b. Mohd Amin	NST Online
16.	15.11.2020	<i>Promoting Psychosocial Measures Against Covid-19</i>	En. Khairul Azhar b. Idris	NST Online
17.	22.11.2020	<i>Muslim's Focus is on The Worldly and Eternal Life</i>	En. Md Asham b. Ahmad	NST Online

BAB 5

PERPUSTAKAAN

PERPUSTAKAAN

Perpustakaan IKIM merupakan perpustakaan khusus yang menyediakan perkhidmatan kepada warga kerja IKIM serta pengguna yang mendaftar sebagai ahli.

A. KOLEKSI

1. Buku

Perpustakaan memperoleh keseluruhan koleksi buku sebanyak 36,183 naskhah sehingga penghujung tahun 2020, yakni pertambahan sebanyak 96 naskhah berbanding tahun sebelumnya, dalam pelbagai bidang kajian di IKIM untuk menyokong penyelidikan. Buku-buku ini disusun mengikut pengelasan dan bidang berdasarkan Library of Congress Classification (LCC) dan Library of Congress Subject Headings (LCSH). Pencarian bahan perpustakaan boleh dibuat melalui laman web Perpustakaan menggunakan WebOPAC (Web Online Public Access Catalog).

2. Pangkalan Data

Perpustakaan telah melanggan sebanyak lima (5) pangkalan data sepanjang 2020 untuk kegunaan rujukan pengguna. Pangkalan data yang dilanggan seperti yang berikut:

- i. Oxford Journals Humanities & Social Science & Law Collection
- ii. Oxford Reference Online
- iii. Oxford Islamic Studies Online
- iv. Cambridge Journals Online
- v. Malaysiakini

3. Kertas Seminar

Perpustakaan turut mengumpul kertas seminar dalam pelbagai bidang yang diadakan sepanjang tahun 2020 di IKIM serta yang dihadiri oleh Penyelidik IKIM di luar. Pada tahun 2020, perpustakaan mengumpul sebanyak 14 kertas seminar. Jumlah keseluruhan kertas seminar yang dikumpul oleh perpustakaan meningkat kepada 2,285 kertas seminar.

4. Artikel Akhbar

Perpustakaan mengumpul artikel akhbar yang dikarang oleh Penyelidik IKIM dalam akhbar tempatan seperti Utusan Malaysia, The Star, Sinar Harian, Berita Harian dan News Straits Times sepanjang tahun 2020. Sebanyak 75 artikel akhbar telah disimpan dan dimuat naik dalam sistem IDAM (Digital Asset Management). Jumlah keseluruhan koleksi artikel mencapai 3,544 artikel.

5. Langganan Jurnal dan Majalah

Perpustakaan melanggan jurnal dan majalah setiap tahun untuk kegunaan Pegawai Akademik IKIM serta ahli perpustakaan. Pada tahun 2020, Perpustakaan melanggan sebanyak lapan jurnal dan majalah dalam pelbagai bidang seperti tajuk yang berikut:

- i. Islamic Law and Society
- ii. Islamic Quarterly
- iii. Journal of the Economic & Social History of the Orient
- iv. The Muslim World
- v. Discover
- vi. Time
- vii. The Economist
- viii. The Petri Dish

6. Sumbangan Buku dan Jurnal

Pada tahun 2020, perpustakaan menerima sumbangan sebanyak 24 naskhah buku dan jurnal daripada pelbagai institusi dalam dan luar negara.

B. PERKHIDMATAN

1. Pinjaman Buku

Perpustakaan telah mengendalikan perkhidmatan pinjaman buku perpustakaan dan sejumlah 1,048 naskhah buku telah dipinjam oleh ahli perpustakaan sepanjang tahun 2020. Perpustakaan turut mengendalikan sebanyak 11 permohonan pinjaman antara perpustakaan IKIM dengan Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Perpustakaan Dar Al-Hikmah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Perpustakaan Universiti Malaya (UM), Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

2. Keahlian Luar

Keahlian perpustakaan telah dibuka untuk pengguna luar sejak bulan November 2011 untuk menggalakkan penyelidikan serta penyebaran maklumat terutamanya berkenaan Islam. Pada tahun 2020, Perpustakaan IKIM telah menerima sebanyak 10 ahli yang terdiri daripada eksekutif, orang perseorangan, penyelidik dan pelajar daripada pelbagai bidang dan institusi, iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Open University Malaysia (OUM) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

3. Sistem Pengurusan Aset Digital IKIM (IDAM)

IKIM Digital Asset Management (IDAM) telah diperoleh dan mula beroperasi sejak tahun

2014 menggunakan perisian CELUM yang diselaraskan oleh Pustakawan dibantu oleh Unit Teknologi Maklumat & Komunikasi (UTEK) dan dianggotai oleh Unit Program & Latihan, Unit Perhubungan Korporat, Unit Perpustakaan, Bahagian tvIKIM dan Penerbit IKIM. IDAM merupakan sistem arkib bahan digital IKIM yang mengandungi buku dan jurnal terbitan IKIM, kertas seminar, artikel akhbar, gambar dan video. Warga kerja IKIM yang berdaftar dapat mengakses bahan digital IKIM di portal <http://idam.ikim.gov.my>. Pencarian maklumat dalam IDAM dengan menggunakan carian kata kunci (keyword search). Pada tahun 2020, sebanyak tiga naskhah buku, satu naskhah jurnal TAFHIM, 75 artikel akhbar, 1,093 gambar rasmi dan 14 kertas seminar telah dimuat naik dalam IDAM. Jumlah yang telah dimuat naik pada tahun 2020 adalah sebanyak 1,186 bahan menjadikan keseluruhan bahan digital yang telah dimuat naik adalah sebanyak 129,373 bahan.

C. AKTIVITI

1. Pemilihan Buku

Pada tahun 2020, pemilihan buku di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur tidak dapat dilaksanakan lantaran pandemik COVID-19. Walau bagaimanapun pemilihan buku baharu dibuat menerusi pembelian buku oleh para penyelidik IKIM melalui pembekal dan kedai-kedai buku dalam negara.

2. Koleksi Etika

Perpustakaan sedang giat memperkaya koleksi bidang Etika mengikut konsep yang telah diwujudkan oleh Jawatankuasa Pembangunan Koleksi Etika sejak tahun 2011. Pada tahun 2020, perpustakaan telah mengenal pasti sebanyak 30 naskhah buku Etika dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

Koleksi Khas Tamadun Islam (KTI) IKIM yang telah dilancarkan pada 4 September 2020, mengandungi 3,733 naskhah jurnal dan 4,268 naskhah buku serta manuskrip dalam pelbagai bahasa utama dunia dan kebolehcapaian digital koleksi nadir dan manuskrip IKIM dijangka akan dapat meningkatkan lagi profil IKIM sebagai penyimpan khazanah ilmu atau “kutub khanah” tamadun Islam dalam kalangan penyelidik antarabangsa.

3. Promosi

Perpustakaan mengadakan sesi temubual di Radio IKIM dalam Program Warna Pagi bersama pegawai akademik sebanyak empat kali, iaitu dalam bulan Mac, Jun, September dan Disember 2020. Pustakawan dan Penolong Pegawai Perpustakaan Kanan berkongsi berkenaan perkhidmatan dan keahlian perpustakaan manakala pegawai akademik berkongsi maklumat berkaitan dengan buku dalam bidang Etika yang terdapat dalam koleksi perpustakaan. Seterusnya dua video promosi Koleksi Etika telah dimuat naik ke Facebook rasmi IKIM. Taklimat perpustakaan turut diberikan semasa lawatan ke perpustakaan. Selain itu, promosi Koleksi Khas Tamadun Islam (KTI) telah diadakan pada 4 September 2020 (Jumaat) dalam Majlis Pelancaran KTI yang dirasmikan pelancarannya oleh YABhg. Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid, Pengurus IKIM.

MAJLIS PELANCARAN KOLEKSI KHAS TAMADUN ISLAM

IKIM mempersembahkan koleksi khasnya berkenaan Tamadun Islam yang pertama kali diperoleh pada tahun 2008 dalam Majlis Pelancaran Koleksi Khas yang diadakan pada 4 September 2020 dan disiarkan secara langsung di pelbagai pentas media sosialnya.

Koleksi Khas Tamadun Islam (KTI) Perpustakaan IKIM mengandungi 8,001 jilid buku nadir dan jurnal pelbagai bidang ketamadunan Islam lebih daripada 20 bahasa. Khazanah ini secara rasminya kini dibuka untuk para penyelidik dengan ruang yang dikhatusukan dan IKIM merancang untuk mendigitalkan keseluruhan koleksinya dengan kerjasama Arkib Negara.

Keberadaan koleksi yang sangat berharga ini menjadikan Perpustakaan IKIM antara perpustakaan di Malaysia dan barangkali di Asia Tenggara dengan koleksi sedemikian. Sejumlah besar karya agung dalam beberapa bahasa daripada seni bina ke seni hiasan, karya-karya kurang masyhur berkenaan persenjataan dan baju perisai, tekstil, tembikar, barang logam, barang kaca, dan ciri-ciri perhiasan yang merupacitakan perwatakan istimewa kesenian Islam, meliputi pelbagai kawasan geografi dari kawasan tengah Islam di Semenanjung Tanah Arab, Turki, Farsi, Afrika Utara, bahagian selatan Sahara di Afrika, Sepanyol, benua kecil India, Asia Tengah, dan Kepulauan Melayu.

Allah SWT telah berfirman dalam surah al-‘Alaq ayat 1 hingga 5,

Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhan-Mu yang menciptakan (sekalian makhluk). Dia telah menciptakan manusia dari sebuku darah beku. Bacalah! Dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah. Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Dia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.

Untuk melaksanakan perintah al-Quran tersebut, pada tahun 2008, telah memperoleh 8,001 jilid bahan yang ditulis dalam pelbagai bahasa dan terdiri daripada karya-karya langka dan kuno berkenaan pelbagai perkara dalam bidang Tamadun Islam. Kekayaan intelektual yang paling berharga ini, merupakan bahagian penting dari Perpustakaan IKIM dan disebut sebagai “Koleksi Khas Tamadun Islam. Koleksi khas ini merupakan koleksi peribadi ahli akademik dan penyelidik barat yang terkenal berkaitan dengan peradaban Islam, iaitu: Profesor Emeritus Dr. Maan Z. Madina (meninggal 2013) dari Universiti Columbia; Prof. Dr. Marilyn Jenkins-Madina, Kurator Emerita dari Jabatan Kesenian Islam di Muzium Kesenian Metropolitan; dan Profesor Emeritus Dr. Jerome W. Clinton (meninggal 2003) dari Universiti Princeton. Pemerolehan koleksi khas ini dilakukan melalui Ars Libri Ltd, yang merupakan ejen profesional yang terkenal di dunia, dan diiktiraf oleh The Antiquarian Booksellers’ Association of America, International League of Antiquarian Booksellers dan International Fine Print Dealers Association.

IKIM berterima kasih kepada kerajaan khususnya, Mantan Perdana Menteri ke-5, Tun Abdullah b. Hj. Ahmad Badawi yang meluluskan dana pembelian koleksi tersebut, dan Ketua Pengarah IKIM ke-3, Datuk Dr. Syed Ali Tawfik al-Attas, atas pengesanan koleksi dan mengetuai pentadbiran IKIM yang membawa kepada pemerolehan koleksi khas yang menelan belanja sebanyak AS \$ 2.5 juta. IKIM turut mengucapkan terima kasih kepada Fellow Kehormat IKIM, Prof. Dr. Tatiana Denisova atas sumbangan ilmiahnya dalam tugas yang sukar untuk mengkatalog koleksi khas ini. Selain itu, penerbitan khas ini, dalam bentuk bercetak dan elektronik, boleh didapati untuk pembelian melalui Laman Sesawang IKIM.

Koleksi khas ini mempunyai banyak karya monumental dalam pelbagai bahasa berkenaan seni bina hingga seni hiasan, karya-karya yang kurang diketahui umum

berkaitan senjata dan perisai, tekstil, seramik, karya logam, karya kaca dan ciri-ciri hiasan yang memperlihatkan ciri-ciri khusus dalam kesenian Islam, merangkumi pelbagai domain geografi dari Semenanjung Arab ke Turki, Parsi, Afrika Utara Muslim, Afrika Sub-Sahara, Sepanyol, Subbenua India, Asia Tengah, dan Kepulauan Melayu. Terdapat empat kriteria yang menjadikan koleksi ini tidak ternilai, iaitu: provenans; nadir, langka dan signifikan. Pertama, seperti yang disebutkan sebelumnya, jilid karya yang diperoleh adalah koleksi peribadi tiga sarjana dan penyelidik yang mahir mengenai peradaban Islam dari institusi terkemuka di Amerika Syarikat sehingga memenuhi kriteria “provenans”; kedua, koleksi ini merangkumi karya dalam hampir 20 bahasa di dunia, termasuk bahasa Ibrani, Perancis, Jerman, Latin, Sepanyol, Itali, Belanda, Yunani, Turki, dan Arab, yang bersifat nadir atau jarang dijumpai jika dibandingkan dengan kebanyakan perpustakaan di Asia Tenggara; ketiga, koleksi itu terdiri daripada karya yang merupakan edisi pertama, diterbitkan khas dengan salinan terhad, atau tidak lagi dicetak—sehingga memenuhi kriteria “langka”; dan keempat, koleksi tersebut memuat sejumlah buku besar yang diterbitkan di antara abad ke-17 hingga abad ke-20 yang tidak dapat dijumpai secara fizikal di perpustakaan lain di Malaysia, dan kemungkinan besar di negara-negara lain di Asia Tenggara—oleh itu, memenuhi kriteria “signifikan” .

Perlu diperhatikan bahawa dalam koleksi khas ini, 912 jilid diterbitkan sebelum tahun 1950, termasuk satu judul yang diterbitkan pada abad ke-17, empat judul yang diterbitkan pada abad ke-18, dan 114 judul, pada abad ke-19. Selain itu, antara perkara yang menjadi tarikan dalam koleksi khas ini ialah Perpustakaan IKIM kini memiliki empat set jurnal yang lengkap, iaitu:

1. Arabic Sciences & Philosophy (diterbitkan oleh Cambridge University Press dan Periodical Service Company sejak tahun 1991 berjumlah 29 jilid);

2. Bulletin of the School of Oriental and African Studies (diterbitkan oleh The School of Oriental and African Studies, University of London sejak tahun 1939 berjumlah 82 jilid);
3. International Journal of Middle East Studies (diterbitkan oleh Cambridge University Press sejak tahun 1970 berjumlah 51 jilid); dan
4. Modern Asian Studies (diterbitkan oleh Cambridge University Press sejak tahun 1967 berjumlah 53 jilid).

Koleksi khas ini menurut Fellow Kehormat IKIM, Prof. Dr. Tatiana Denisova, dapat menyediakan bahan untuk sekurang-kurangnya dua projek penyelidikan iaitu: (i) Pengajian Islam di Rusia mengenai Tamadun Islam: Antara ciri kajian Islam Rusia adalah pendekatan objektifnya yang khusus untuk kajian Islam dan penilaian peranannya dalam sejarah dunia. Berbanding dengan Orientalis Eropah, karya-karya Rusia kurang dipengaruhi oleh Eurocentrism kerana telah lama terbiasa hidup berdampingan dengan jiran-jiran mereka yang beragama Islam, sehingga memperoleh pemahaman yang lebih mendalam berkenaan realiti peradaban Islam. Koleksi khas ini mengandungi lebih dari 400 bahan dalam bahasa Rusia mengenai seni Islam, sejarah, sastera, bahasa, dan lain-lain. Semua bidang ini ditulis oleh sarjana terkenal, termasuk G. Sablukov (1803 – 1880), V. Bartold (1869 – 1930), I. Krachkovsky (1883 – 1951), A. Krimsky (1971 – 1941), N. Pigulevskaya (1894 – 1970), E. Davidovitch (1922–2013), dan F. Atsamba (1922 – 2016). (ii) Islam dan tamadun Islam dalam konteks Pengajian Ibrani: Pada abad ke-19 hingga abad ke-20, kajian Oriental Yahudi memfokuskan kepada peningkatan makna Islam sebagai agama yang rasional dan hubungannya dengan agama Yahudi. Dalam kajian mereka mengenai al-Quran, para sarjana Yahudi Eropah terpesona oleh Islam dan monoteisme, rasionalisme, keterbukaan terhadap sains dan falsafah, penolakan terhadap antropomorfisme dan kepatuhan

kepada undang-undang agama berdasarkan etika. Karya-karya sarjana Yahudi menekankan toleransi masyarakat Islam terhadap orang Yahudi dan orang bukan Islam lain yang menentang agama Kristian. Mereka mencari persamaan diantara Islam dengan agama Yahudi dan menemukan banyak persamaan yang penting dalam sejarah, falsafah dan juga dalam beberapa aspek teologi. Para sarjana Yahudi dalam Pengajian Islam merangkumi: Heinrich Graetz (1818 – 1891), Ignac Goldziher (1850 – 1921), Gustav Grunebaum (1909 – 1972), Shlomo Goiten (1900 – 1985), Franz Rosenthal (1914 – 2003) dan lain lain. "Koleksi Khas" ini juga mengandungi lima jurnal ilmiah Pengajian Ibrani; iaitu (i) American Jewish Archives (USA, 1948 – 1995); (ii) Israel Exploration Journal (Israel, 1950 – 1996); (iii) Journal of Palestine Studies (UK, 1971 – 2006); (iv) Journal of Semitic Studies, (UK, 1956 – 2001) dan, (v) Palestine Exploration Quarterly (UK, 1869 – 2000)

Untuk memastikan bahawa aset nasional yang tidak ternilai dalam koleksi khas ini akan disimpan untuk generasi akan datang, IKIM sedang dalam perbincangan bersama Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, iaitu Datuk Azemi b. Abdul Aziz, berkaitan kaedah dan cara mengurus koleksi khas ini dengan baik, termasuk pemulihan buku yang rosak, dan pendigitalan koleksi ini. Hasil yang diharapkan daripada perbincangan ini adalah dengan menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) antara IKIM dengan Arkib Negara.

Koleksi khas ini dapat menarik minat para sarjana dan penyelidik. Selain itu, koleksi khas ini telah dikatalog sepenuhnya dan kini dapat diakses secara dalam talian melalui Laman Sesawang Perpustakaan IKIM. Penggunaan koleksi khas adalah tertakluk kepada peraturan dan undang-undang seperti yang terdapat di institusi lain yang lebih mapan dengan koleksi yang serupa, iaitu Perpustakaan Bodleian di Universiti Oxford, Perpustakaan Universiti Cambridge dan Perpustakaan Negara Malaysia.



Dari kiri: Datuk Hj. Ahamed Basheer b. Mohd Hussain (Ahli Lembaga Pengarah IKIM), Dr. Mohd. Zaidi b. Ismail (Timbalan Ketua Pengarah IKIM), Datuk Azemi b. Abdul Aziz (Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia), Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin (Ketua Pengarah IKIM), Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid (Pengerusi IKIM), Datuk Dr. Syed Ali Tawfik Al-Attas (Mantan Ketua Pengarah IKIM), Prof. Dr. Tatiana Denisova (Fellow Kehormat IKIM), dan Dato' Dr. Hj. Mohd Na'im b. Hj Mokhtar (Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia).

Gambar diambil semasa Majlis Pelancaran Koleksi Tamadun Islam pada 4 September 2020.



Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2019 & Anugerah Khidmat Setia 2020 yang telah disempurnakan oleh YABhg Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid, Pengurus IKIM, turut sama Datuk Dr. Azizan Baharuddin, Ketua Pengarah IKIM dan Dr. Mohd Zaidi Ismail, Timbalan Ketua Pengarah IKIM pada 14 Ogos 2020 di Dewan Besar IKIM

BAB 6

**PENGIKTIRAFAN/
ANUGERAH DAN
STATISTIK PENTING
2020**

BAB 6

PENGIKTIRAFAN/ANUGERAH DAN STATISTIK PENTING 2020

Berdasarkan perkhidmatan cemerlang, sumbangan dan usaha dalam meningkatkan kefahaman Islam, IKIM telah menerima lima anugerah pada 2020. Anugerah tersebut seperti yang berikut:

BIL.	TARIKH	ANUGERAH	PENERIMA
1.	17.12.2020	Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan Tahun 2019	IKIM
2.	19.12.2020	Penghargaan Media 2019 Cybersecurity oleh Cybersecurity Malaysia	Pn. Norhayati bt. Paradi

BIL.	TEMPOH PELANTIKAN	PENGIKTIRAFAN	PENERIMA
1.	1.6.2020 - 31.5.2023	Penyandang Kursi Perubahan Iklim Universiti Kebangsaan Malaysia -Yayasan Sime Darby (UKM-YSD)	Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin
2.	1.6.2020 - 31.5.2022	Ahli Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin
3	1.8.2020 - 31.7.2021	Profesor Adjung di Fakulti Teknologi dan Informatik Razak (FTIR) Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur	YABhg. Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid
4	3.8.2020 - 02.8.2021	Profesor Adjung di Universiti Sultan Azlan Shah, Perak	YABhg. Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid
5	1.9.2020 - 31.8.2022	Pro-Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	YABhg. Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid
6.	11.9.2020 (Terma 2020 - 2021)	Naib Pengerusi Commercial Radio Malaysia (CRM) bagi terma 2020-2021	Pn. Hjh Nik Hasnah bt. Ismail

BIL.	TEMPOH PELANTIKAN	PENGIFTIRAFAN	PENERIMA
7.	September 2020 - Disember 2021	Ahli Panel Penggubal, Islamic Charter on the Environment (MIZAN), United Nations Environment Programme (UNEP), Lantikan UNEP	Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin
8.	Jun 2020 - kini	Panel Penasihat Antarabangsa, Yale Forum on Religion and Ecology (FORE), Yale University, Lantikan Chair of Yale FORE	Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin
9.	Jun 2020 - Julai 2023	Profesor Kehormat, Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaysia (2019 - 2021), Lantikan Naib Canselor Universiti Malaya	Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin

Anugerah dan pengiktirafan yang diberikan oleh pihak luar kepada IKIM diharapkan akan memberikan kesan yang positif kepada warga kerja IKIM untuk terus bekerja dengan lebih efisien dan produktif di pada masa akan datang.

STATISTIK PENTING 2020

PENYELIDIKAN

BIL. PENYELIDIKAN	KLUSTER	
1	Fiqh Ta'amul	
2	Fiqh Akbar dan Pandangan Alam Islam	
1	Alam Sekitar dan Kelestarian	
1	Fiqh Kontemporeri	
2	Ekonomi	
3	Pendidikan	

10

PROGRAM

PROGRAM	TELAH DIANJURKAN	7
Wacana/ <i>Townhall</i>	1	
Siri Kolokium	1	
Muzakarah Pakar	2	
Kursus	1	
Kumpulan Fokus	1	
Pelancaran	1	

PENERBITAN IKIM

BIL.	PENERBITAN	10
5	Buku Baharu	
3	Ulang Cetak	
2	Jurnal <i>TAFHIM</i>	

KOLEKSI PERPUSTAKAAN IKIM

14	Kertas Seminar
75	Artikel Akhbar
96	Buku
8	Jurnal & Majalah
5	Pangkalan Data
24	Sumbangan Naskhah Buku dan Jurnal
1,048	Pinjaman Naskhah Buku

RADIO IKIM

1.29 Juta/Million	Pendengar (Gfk Wave 2/2020)
Tangga ke-10	Stesen Berbahasa Melayu Terbaik
Tangga ke-6	Kategori Radio Bahasa Melayu
969,445	<i>Likes di Facebook</i>
334,000	<i>Follower di Instagram</i>
15	Stesen Pemancar

tvIKIM

3,301,073	<i>Total Hit</i>
426,462	<i>Page View</i>
75,747	<i>Pelawat</i>
18,600	<i>Subscriber</i>

KUNJUNGAN HORMAT DAN LAWATAN

14	Kunjungan Hormat	28
6	Lawatan Kerja	
2	Lawatan & Temuramah Penyelidikan	
6	Lawatan sambil belajar/Muhibah	

EKONOMI DAN PEMASARAN

RM2,893,383.92	Iklan Radio
RM0	Sewaan Dewan & Fasiliti
RM75,234.30	Buku (Terbitan IKIM, Galeri Ilmu, Royalti, dan Kertas Kerja)
RM4,135.00	CD/DVD, Edisi Digital
RM2,190.50	Cenderamata

WACANA IKIM DI AKHBAR

47	Berita Harian
35	New Straits Times
31	Utusan Malaysia
5	Artikel Tambahan
2	Malakat Tribune
25	Laman Web IKIM
17	Lain-lain/ <i>Online</i>

MAKLUMAT KORPORAT

MAKLUMAT KORPORAT

PENGURUSAN KANAN IKIM



Dari kiri: En. Mohd. Hafidz b. Masor@Mansor, Pengurus Rancangan tvIKIM, En. Mahathir b. Sharuddin, Pemangku Pengarah Pusat Media (hingga 28 Februari 2020)/ Pengurus Besar Bahagian Radio IKIM (mulai 1 Mac 2020), Dr. Mohd. Sani b. Badron, Pengarah Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan (EMAS), Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin, Ketua Pengarah IKIM, Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid, Pengerusi IKIM, Dr. Mohd. Zaidi b. Ismail, Timbalan Ketua Pengarah IKIM, Dr. Mohd. Farid b. Mohd. Shahran, Pengarah Pusat Kajian Syariah Undang-Undang dan Politik (SYARAK), Dr. Shaikh Mohd. Saifuddeen b. Shaikh Mohd. Salleh, Pengarah Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar (KIAS), Pn.Hjh. Nafiza bt. Mohd Khir Hadi, Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan (hingga 6 Julai 2020)/Pengarah Bahagian Pengurusan Kewangan dan Pelaburan (mulai 7 Julai 2020), dan Pn. Sarina bt. Othman, Pemangku Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP).

MAKLUMAT PEGAWAI AKADEMIK

PUSAT KAJIAN SYARIAH, UNDANG-UNDANG & POLITIK (SYARAK)

BIL.	NAMA	JAWATAN	KELULUSAN AKADEMIK
1.	Dr. Mohd. Farid b. Mohd. Shahran	Fellow Utama/ Pengarah	Doktor Falsafah Pemikiran Islam, Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (2006) Sarjana Pemikiran Islam Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (2000) Ijazah Sarjana Muda Ilmu Wahyu dan Warisan Islam Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (1994).
2.	Md. Asham b. Ahmad	Fellow Kanan	Sarjana (Pemikiran Islam), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (2002) Sarjana Muda (Ilmu Wahyu dan Warisan Islam & Sains Politik), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (1995)
3.	Dr. Nik Roskiman b. Abdul Samad	Fellow Kanan	Doktor Falsafah (Tasawuf) Universiti Malaya (2013) Sarjana (Tamadun Islam) ISTAC, (2000) Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (1994)
4.	Wan Roslili bt. Majid	Fellow	Sarjana Undang-undang Perbandingan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (2012) Sarjana Muda Syariah, Universiti Malaya (2005)

BIL.	NAMA	JAWATAN	KELULUSAN AKADEMIK
5.	Mohd. Noor b. Omar	Fellow	<p>Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) Universiti Putra Malaysia (2005)</p> <p>Sarjana Muda Pengajian Islam (Syariah), Universiti Kebangsaan Malaysia (1997)</p> <p>Diploma Profesional dalam Perhubungan Industri, Malaysian Employers Federation (MEF), International Labour Organisation (ILO), Geneva, Switzerland (2001)</p>
6.	Enizahura bt. Abdul Aziz	Fellow	<p>Sarjana Sains Kemanusiaan dalam Sains Politik, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (2008)</p> <p>Sarjana Muda Sastera (Kepujian) (Politik), University of East London, United Kingdom (1998)</p>

PUSAT KAJIAN EKONOMI DAN KEMASYARAKATAN (EMAS)

BIL.	NAMA	JAWATAN	KELULUSAN AKADEMIK
1.	Dr. Mohd. Sani b. Badron	Fellow Utama/ Pengarah	<p>Doktor Falsafah Pemikiran Islam, Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (2006)</p> <p>Sarjana Pemikiran Islam (Usuluddin-Falsafah-Tasawwuf Irfani), Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (1998)</p> <p>Sarjana Muda Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (1993)</p>
2.	Hjh. Siti Fatimah bt. Abdul Rahman	Fellow Kanan	<p>Sarjana Sains (Sosiologi), University of London (1996)</p> <p>Sarjana Muda Sastera (Antropologi/Sosiologi), Universiti Malaya (1992)</p>

BIL.	NAMA	JAWATAN	KELULUSAN AKADEMIK
3.	Muhammad Hisyam b. Mohamad	Felow	Sarjana Teknologi Maklumat, Universiti Malaya (2003).
			Sarjana Muda Shariah Ekonomi, Universiti Malaya (1997).
4.	Khairul Azhar b. Idris	Felow	Sarjana Psikologi Klinikal, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (2001).
			Sarjana Muda Psikologi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (1994)

PUSAT KAJIAN SAINS DAN ALAM SEKITAR (KIAS)

BIL.	NAMA	JAWATAN	KELULUSAN AKADEMIK
1.	Dr. Shaikh Mohd. Saifuddeen b. Shaikh Mohd. Salleh	Felow Kanan/ Pengarah	Doktor Falsafah (Falsafah Sains), Universiti Malaya (2012)
			Sarjana Sains (Falsafah Sains), Universiti Malaya (2006)
			Sarjana Pentadbiran Perniagaan, University of Glasgow (1996)
2.	Dr. Nor Azaruddin Husni b. Hj. Nuruddin	Felow Kanan	Sarjana Muda Sains (Kimia) – University of Glasgow (1995)
			Doktor Falsafah (Falsafah Islam), Universiti Kebangsaan Malaysia (2019)
			Sarjana Sains (Kimia), Universiti Kebangsaan Malaysia (2002)
			Sarjana Muda Sains (Kimia), Universiti Kebangsaan Malaysia (1993)
			Diploma Pengurusan (KPLI) Kementerian Pendidikan Malaysia (2000)

BIL.	NAMA	JAWATAN	KELULUSAN AKADEMIK
3.	Azrina bt. Sobian	Felow	Sarjana Sains, Universiti Hiroshima (2001) Sarjana Muda Pengajian Alam Sekitar (Kepujian), Universiti Malaya (1998)
4.	Norkumala bt. Awang	Felow	Sarjana Sains (Kesihatan Keluarga dan Pemakanan), Universiti Kebangsaan Malaysia (2004) Sarjana Muda Sains (Kepujian) (Sains Makanan dan Pemakanan), Universiti Kebangsaan Malaysia (2002)
5.	Rosmidzatul Azila bt. Mat Yamin	Felow	Sarjana Sains (Biologi Pemuliharaan), Universiti Kebangsaan Malaysia (2005) Sarjana Muda Sains (Pemuliharaan dan Pengurusan Biodiversiti), Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) Terengganu (2003)

MAKLUMAT PENGURUSAN IKIM (BUKAN AKADEMIK)

BIL.	NAMA	JAWATAN	KELULUSAN AKADEMIK
1.	Hjh. Nafiza bt. Mohd. Khir Hadi	Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan & Kewangan (BKP&Kew) Pengarah – hingga 6.7.2020 Pengarah Bahagian Pengurusan Kewangan & Pelaburan (BKEP) – mulai 7.7.2020	Sarjana Muda, Perakaunan, Universiti Putra Malaysia (1989)
2.	Sarina bt. Othman	Pemangku Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) – mulai 7.7.2020	Sarjana Muda, Komunikasi Massa (Perhubungan Awam), Universiti Teknologi MARA (1991) Diploma Pengajian Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (1996)

BIL.	NAMA	JAWATAN	KELULUSAN AKADEMIK
3.	Hj. Mahathir b. Shaharuddin	Pengurus Besar Radio – mulai 1.3.2020	Sarjana Muda, Syariah Islamiah , Universiti Al-Azhar, Mesir (1999)
4.	Mohd. Hafidz b. Masor@Mansor	Pengurus Rancangan TV	Sarjana Muda Komunikasi Massa (Kewartawanan), Institut Teknologi MARA (1995)

KETUA-KETUA UNIT

PEJABAT KETUA PENGARAH

BIL.	NAMA	JAWATAN	KELULUSAN AKADEMIK
1.	Zawiah bt. Md. Sari	Ketua Pegawai Tadbir/Ketua Unit Program & Latihan	Sarjana, Penerbitan, Universiti Malaya (1994) Sarjana Muda, Sebaran Am, Institut Teknologi MARA (2004)
2.	Zarita binti Kasim	Ketua Pegawai Tadbir/Ketua Unit Perhubungan Korporat	Sarjana Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA (2003) Sarjana Muda, Ilmu Wahyu & Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (2001)

BIL.	NAMA	JAWATAN	KELULUSAN AKADEMIK
3.	Mohd. Zafri b. Abd. Karim	Pegawai Perpustakaan Kanan/Ketua Unit Perpustakaan	Sarjana, Pentadbiran Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (2014) Sarjana Muda, Pengajian Maklumat, Univ. Teknologi Mara (2001)
			Diploma, Usuluddin, Universiti Malaya (2006)
			Diploma, Syariah, Universiti Malaya (2009)
			Diploma, Bahasa Arab, Institut Pengajian Ilmu-Ilmu Islam (2003)
4.	Mohamad A'sim b. Ismail	Editor /Ketua Unit Editorial	Sarjana Muda Syariah, (B.A.), Universiti Al-Azhar, Mesir (1998)
5.	Sri Sarina Dewi bt. Suhaimin	Ketua Unit/Pegawai Tadbir Penerbit IKIM	Sarjana Pengurusan Persekutaran, Universiti Kebangsaan Malaysia (2005) Ijazah Sarjana Muda Sains (Alam Sekitar), Universiti Putra Malaysia (2002)

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

1.	Sapuah bt. Hj. Nawawi	Ketua Pegawai Tadbir/Ketua Unit Inovasi & Kualiti – mulai 1.7.2020	Sarjana Muda Komunikasi Universiti Sains Malaysia (1992)
2.	Anas Anal b. Mohd. Zainal	Ketua Pegawai Teknologi Maklumat/ Ketua Unit Teknologi Maklumat & Komunikasi	Sarjana Muda, Kejuruteraan Elektrik, Keio Universiti, Jepun (1999)

BIL.	NAMA	JAWATAN	KELULUSAN AKADEMIK
3.	Ir. Zaidi b. Mohamad	Jurutera/Ketua Unit Teknikal & Prasarana	Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi MARA (2006) Diploma Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi MARA (2004) Board of Engineers Malaysia (No. Ahli: P118832)
4.	Azhani bt. Zakaria	Ketua Pegawai Tadbir /Ketua Unit Modal Insan	Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (2011) Sarjana Muda Pengajian Perniagaan Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (1999) Diploma Pengajian Perniagaan, Institut Teknologi MARA (1996)
5.	Mohd. Nur Jazmen b. Jamil	Pegawai Tadbir Kanan/ Ketua Unit Pentadbiran & Perolehan – mulai 1.7.2020	Sarjana Muda, Pengajian Islam (Syariah), Universiti Kebangsaan Malaysia (2005) Diploma Pengajian Islam (Bahasa Arab), Kolej Islam Darul Ehsan (2000) Diploma Pengajian Islam Dengan Pendidikan, Kolej Islam Darul Ehsan (2000)
7.	Khairul Akmal b. Abd. Halim	Pegawai Tadbir/ Ketua Unit Pentadbiran & Perolehan – hingga 30.6.2020 Pegawai Kewangan mulai 1.7.2020	Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, Universiti Malaya (2008)
BAHAGIAN RADIO IKIM			
1.	Hj. Mohd. Erwan b. Johari	Pengurus/Ketua Unit Muzik Radio IKIM	Sarjana Muda Sastera (Kepujian) Syariah (Feeqah & Perundangan), University of Jordan (1999)

BIL.	NAMA	JAWATAN	KELULUSAN AKADEMIK
2.	Hjh. Nik Hasnah bt. Ismail	Ketua Unit/Pengurus Program Radio IKIM	Sarjana Muda Sastera (Pengajian Media, Antropologi/Sosiologi), Universiti Malaya (2002)
3.	Hjh. Maslina bt. Alias	Ketua Unit/Pengurus Siaran Radio IKIM	Sarjana Muda Komunikasi Massa (Kepujian) (Pengiklanan), Universiti Teknologi MARA (2000)
4.	Hjh. Fairuz bt. Hj. Noordin	Ketua Unit/Pengurus Hubungan Strategik Radio IKIM	Sarjana Muda Komunikasi Massa (Kepujian) (Penyiaran), Universiti Teknologi MARA (2001)
5.	Hj. Ahmad Nazri b. Mohd. Yusof	Ketua Unit/Pengurus Berita Radio IKIM	Sarjana Muda Sains Kemanusiaan (Kepujian) (Komunikasi) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (2004).
UNIT KEJURUTERAAN PENYIARAN RADIO			
6.	Shazril b. Sopian	Pengurus/Ketua Unit Kejuruteraan Penyiaran Radio IKIM	Sarjana Muda Kejuruteraan (Elektrik - Komunikasi) (Kepujian), Universiti Teknologi Malaysia (2007)
UNIT TEKNOLOGI DIGITAL			
7.	Mohamad Zainal b. Mohd. Ghani	Pegawai Teknologi Maklumat/Ketua Unit	Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Kepujian) (Sains Komputer), Universiti Kebangsaan Malaysia (2005)
BAHAGIAN EKONOMI DAN PEMASARAN			
1.	Al Iskandar b. Mokhtar	Pengurus, Unit Pemasaran & Promosi	Sarjana Muda Komunikasi & Pengajian Media (Kepujian) (Pengiklanan), Universiti Teknologi Mara (2004)
2.	Mohd. Nur Jazmen b. Jamil	Pengurus, Unit Pembangunan Perniagaan & Kawalan Kredit – hingga 30.6.2020	Sarjana Muda, Pengajian Islam (Syariah), Universiti Kebangsaan Malaysia (2005) Diploma Pengajian Islam (Bahasa Arab), Kolej Islam Darul Ehsan (2000)
			Diploma Pengajian Islam Dengan Pendidikan, Kolej Islam Darul Ehsan (2000)

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN IKIM KE-28

Mesyuarat Agung Tahunan Institut Kefahaman Islam Malaysia Ke-28 yang dipengerusikan oleh YABhg. Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid, Pengerusi IKIM telah diadakan pada 25 September 2020 di Dewan Besar IKIM. Turut hadir ialah Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin, Ketua Pengarah IKIM, Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan Ahli IKIM yang kesemuanya seramai 23 orang.

Pada mesyuarat tersebut, YABhg. Tun Pengerusi memaklumkan bahawa:

1. IKIM telah memulakan Siri Kolokium (IKIM National Colloquium Series) yang memberi fokus kepada isu-isu kritikal yang mendepani umat Islam seperti Islamophobia (Islamofobia), good governance (tadbir urus cemerlang), moral freedom (kebebasan moral) dan lain-lain.
2. Koleksi Khas Tamadun Islam (KTI) IKIM yang telah dilancarkan pada 4 September 2020 di Perpustakaan IKIM, mengandungi 3,733 naskhah jurnal dan 4,268 naskhah buku serta manuskrip dalam pelbagai bahasa utama dunia dan kebolehcapaian digital koleksi nadir dan manuskrip IKIM dijangka akan dapat meningkatkan lagi profil IKIM sebagai penyimpan khazanah ilmu atau “kutub khanah” Tamadun Islam untuk kegunaan penyelidik termasuk di peringkat antarabangsa.
3. Sebuah jawatankuasa di bawah pimpinan seorang Ahli Lembaga Pengarah bagi menapis dan menilai iklan-iklan radio telah ditubuhkan dan “Standard Operating Procedure” (SOP) telah diperkenalkan untuk Bahagian Ekonomi dan Pemasaran (BEP) IKIM. Langkah ini bertujuan mengawal kandungan pengiklanan dan pendekatan program-program radio agar iklan yang disiarkan tidak melanggar syarat-syarat Kementerian Kesihatan Malaysia dan

perkara yang bertentangan dengan syiar Islam.

4. Keperluan mengakaunkan tanah pajakan mengikut piawaian perakaunan Malaysian Financial Reporting Standard (MFRS) 16 iaitu tanah pajakan diklasifikasikan semula dari Property, Plant & Equipment (PPE) kepada right of use of assets.

Berdasarkan keputusan Mahkamah Persekutuan pada 21 November 2012, yang mengakibatkan IKIM turut “loss the right-of-use” ke atas tanah pajakan Lot 6180 & 6181 bernilai RM48.21 juta yang merupakan tanah kaveat, Lembaga Pengarah memutuskan bahawa nilai tersebut hendaklah dikeluarkan daripada Penyata Kewangan IKIM.

5. Ahli-ahli IKIM dipohon memberi mandat kepada Lembaga Pengarah untuk melantik syarikat juruaudit berlesen selaras dengan peruntukan Seksyen 271(2) bagi akaun IKIM tahun kewangan 2020.

Pada mesyuarat tersebut juga, lantikan Ahli Lembaga Pengarah yang baharu menggantikan Ahli Lembaga Pengarah yang melepaskan jawatan selaras dengan Fasa 31 Perlembagaan Institut, iaitu YBhg. Dato' Wan Mohamad b. Dato' Sheikh Abd. Aziz, telah diadakan secara undian sulit kerana terdapat lebih dari satu pencalonan. Bagi mengendalikan urusan pengundian tersebut, IKIM telah melantik Akauntan bertauliah dari Tetuan MNN Associates. Mesyuarat Agung tersebut telah bersetuju melantik YBhg. Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah b. Che Othman, yang telah mendapat jumlah undi majoriti sebagai Ahli Lembaga Pengarah IKIM, bagi tempoh tiga tahun mulai tahun 2020 hingga tahun 2023.

Senarai Kehadiran Mesyuarat Agong Tahunan IKIM Ke-28 seperti yang berikut:

1. YABhg. Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid
2. YBhg. Tan Sri Sheikh Ghazali b. Hj. Abdul Rahman
3. YBhg. Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin
4. YBhg Prof. Emeritus Dato' Dr. Isahak b. Haron
5. YBhg. Dato' Dr. Mohd Yusof b. Hj. Othman
6. YBhg. Dato' Dr. Abdul Monir b. Yaacob
7. YBhg. Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin
8. YBhg. Datu Hj. Misnu b. Hj. Taha
9. YBhg. Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah b. Che Othman
10. YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Sulaiman b. Mahbob
11. YBhg. Datuk Dr. Haji Noordin b. Hj. Abd. Razak
12. Tuan Hj. Ahmad b. Berek
13. YBhg. Datuk Sr. Zakaria b. Hashim
14. YBhg. Datuk Alias b. Ali
15. YBrs. Ir. Dr. Hj. Muhamad Fuad b. Abdullah
16. YBhg. Prof. Dato' Dr. Abu Bakar b. Abdul Majeed
17. YBrs. Tuan Hj. Mohd Roslan b. Mohd Saludin
18. YBhg. Prof. Dato' Seri Dr. Zaleha bt. Kamaruddin
19. YBrs. Prof. Dr. Mohd Nazari b. Ismail
20. YBhg. Dr. Yusri b. Mohamad
21. YBhg. Prof. Madya Datin Dr. Nooraini bt. Othman
22. YBrs. Tuan Hj. Mohammad Sahar b. Mat Din
23. YBhg. Prof. Dr. Shamrahayu bt. Ab. Aziz



Dari kiri: YBhg. Tan Sri Hamad Kama Piah b. Che Othman, YBhg. Datu Hj. Misnu b. Hj. Taha, YBhg. Dato' Dr. Mohd Yusof b. Hj. Othman, YBhg. Dato' Dr. Abdul Monir b. Yaacob, YBhg. Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin (Ketua Pengarah), YABhg. Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid (Pengerusi), YBhg. Tan Sri Sheikh Ghazali b. Hj. Abdul Rahman (Timbalan Pengerusi), YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Isahak b. Haron, YBhg. Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap dan En. Mohamad Ibrahim b. Ghazali (Setiausaha Syarikat), bersama Ahli-ahli IKIM yang menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan IKIM Kali Ke-28.

SENARAI AHLI IKIM

BIL.	NAMA	TARIKH MENJADI AHLI
1.	YBhg. Dato' Dr. Abdul Halim b. Hj. Ismail	4.3.1993
2.	YBhg. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid b. Ibrahim	4.3.1993
3.	YBhg. Dato' Abdul Jamil b. Mohd. Ali	4.3.1993
4.	YBhg. Tan Sri Mohd. Effendi b. Norwawi	4.3.1993
5.	YBrs. Ir. Hj. Arshad b. Hj. Marsidi	4.3.1993
6.	YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Sulaiman b. Mahbob	4.3.1993
7.	YBhg. Datuk Dr. Hj. Noordin b. Hj. Abd. Razak	15.3.1993
8.	YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohd. Mansor b. Hj. Salleh	22.3.1993
9.	YBhg. Tan Sri Dato' Seri Utama Nor Mohamed b. Yakcop	22.3.1993
10.	YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Isahak b. Haron	22.3.1993
11.	YBhg. Tan Sri Wan Azmi b. Wan Hamzah	14.4.1993
12.	YBhg. Dato' Dr. Sidek b. Baba	15.4.1993
13.	YBhg. S.S Tan Sri Dato' Seri (Dr) Haji Harussani b. Hj. Zakaria	15.4.1993
14.	YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abd. Shukor b. Haji Husin	15.4.1993
15.	Tuan Haji Ahmad b. Berek	15.4.1993
16.	YBhg. Datuk Sr. Zakaria b. Hashim	15.4.1993
17.	YBhg. Tan Sri Dato' Hj. Ahmad Bin Mohd. Yusof	15.4.1993
18.	YBhg. Dato' Dr. Muhammad Nur Manutu	27.4.1993
19.	YBhg. Dato' Haji Muhamad Asri b. Haji Abdullah	26.7.1993
20.	YBhg. Tan Sri Dato' Tajuddin b. Ramli	2.8.1993
21.	YBhg. Dato' Wira Syed Abdul Jabbar Shahabuddin b. Syed Hassan	2.8.1993
22.	YBrs. Prof. Madya Dr. Balkis bt. Hj. Abu Bakar	15.4.1994
23.	YBhg. Datuk Alias b. Ali	25.1.1995

BIL.	NAMA	TARIKH MENJADI AHLI
24.	Puan Hjh. Marina bt. Yusof	25.1.1995
25.	YBrs. Ir. Dr. Haji Muhamad Fuad b. Abdullah	11.12.1998
26.	YBhg. Dato' Muhammad Redzuan b. Abdullah	9.8.1999
27.	YBhg. Tan Sri Datuk Prof. Ir. Dr. Hj. Ahmad Zaidee b. Laidin	19.7.2000
28.	YBrs. Prof. Dr. Kasmini bt. Kassim	20.9.2000
29.	YBhg. Datuk Nik Mohamed Affandi b. Nik Yusoff	4.5.2001
30.	YBhg. Prof. Dato' Dr. Abu Bakar b. Abdul Majeed	7.10.2002
31.	YBhg. Datin Aidah bt. Abdul Ghani	21.7.2003
32.	YBhg. Dato' Hjh. Shamsuriah bt. Sulaiman	19.9.2003
33.	YM Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiah bt. Engku Ali	2.5 2006
34.	YBhg. Tan Sri Sheikh Ghazali b. Hj. Abdul Rahman	1.10.2008
35.	Tuan Haji Mohd Roslan b. Mohd Saludin	29.5.2009
36.	YBhg. Prof. Datuk Dr. Syed Othman Alhabshi	9.10.2009
37.	YBhg. Dato' Wan Mohamad b. Dato' Sheikh Abd. Aziz	22.12 2010
38.	YBhg. Prof. Dato' Seri Dr. Zaleha bt. Kamaruddin	14.11.2011
39.	YBrs. Prof. Dr. Syed Omar b. Syed Agil	14.11.2011
40.	YBrs. Prof. Dr. Mohd Nazari b. Ismail	22.11.2012
41.	YBrs. Dr. Yusri b. Mohamad	9.9.2016
42.	YAA Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohd Na'im b. Mokhtar	9.9.2016
43.	YBhg. Dato' Dr. Mohd Yusof b. Hj. Othman	12.5.2017
44.	YBhg. Prof. Madya Datin Dr. Nooraini bt. Othman	12.5.2017
45.	YBhg. Prof. Dato' Dr. Ariff b. Osman	12.5.2017
46.	YBhg. Dato' Dr. Abdul Monir b. Yaacob	20.4.2018
47.	YBhg. Dato' Ahmad Nazim b. Abd Rahman	7.6.2018
48.	Tuan Haji Mohammad Sahar b. Mat Din	7.6.2018

BIL.	NAMA	TARIKH MENJADI AHLI
49.	YBhg. Prof. Datuk Dr. Shamrahayu bt. Ab. Aziz	7.6.2018
50.	YBhg. Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin	17.8.2018
51.	YABhg. Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid	15.5.2019
52.	YBhg. Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin	15.5.2019
53.	YBhg. Datuk Haji Ahamed Basheer b. Mohd Hussain	5.9.2019
54.	YBhg. Prof. Dato' Noor Aziah bt. Mohd Awal	5.9.2019
55.	YBhg. Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah b. Che Othman	1.6.2020
56.	YBhg. Datu Haji Misnu b. Hj.Taha	19.6.2020

MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH

Mesyuarat Lembaga Pengarah IKIM pada tahun berakhir 31 Disember 2020 telah bersidang sebanyak lima (5) kali, iaitu pada 25 Februari 2020, 19 Jun 2020, 8 September 2020, 12 November 2020 dan 18 Disember 2020.

Senarai kehadiran mesyuarat untuk tahun 2020 adalah seperti yang berikut:

BIL.	NAMA	BIL. HADIR MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH
1.	Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid Pengerusi IKIM	(5/5)
2.	Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin Ketua Pengarah IKIM	(5/5)
3.	Tan Sri Sheikh Ghazali b. Hj. Abdul Rahman Ahli (hingga 30 September 2020)	(3/4)
4.	Tan Sri Sheikh Ghazali b. Hj. Abdul Rahman Ahli (Mulai 1 Oktober 2020)	(1/1)
5.	Dato' Wan Mohamad b. Dato' Sheikh Abd. Aziz Ahli (hingga 31 Mei 2020)	1/1

BIL.	NAMA	BIL. HADIR MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH
6.	Datuk Sr. Zakaria b. Hashim Ahli (hingga 31 Mei 2020)	1/1
7.	Prof. Emeritus Dato' Dr. Isahak b. Haron Ahli	(4/5)
8.	Dato' Dr. Abdul Monir b. Yaacob Ahli	(5/5)
9.	Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin Ahli	(3/5)
10.	Dato' Dr. Mohd. Yusof b. Hj. Othman Ahli	(5/5)
11.	Datuk Hj. Ahamed Basheer b. Mohd Hussain Ahli	(5/5)
12.	Prof. Dato' Noor Aziah bt. Mohd Awal Ahli	(3/5)
13.	Datu Hj. Misnu b. Hj. Taha Ahli (Mulai 1 Jun 2020)	(4/4)
14.	Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah b. Che Othman Ahli (Mulai 25 September 2020)	(1/2)

Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah membuat keputusan perkara yang diusulkan oleh Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah seperti yang berikut:

JAWATANKUASA-JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

1. JAWATANKUASA KEMAJUAN KERJAYA

Keahlian Jawatankuasa:

- i. YBhg. Tan Sri Sheikh Ghazali b. Hj. Abdul Rahman
Pengerusi (hingga 19 Jun 2020)
- ii. YBhg. Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin Ahli
- iii. YBhg. Prof. Datuk Dr. Syed Othman Alhabshi
Ahli (hingga 20 Jun 2019)
- iv. YBhg. Ir. Dr. Muhamad Fuad b. Abdullah Ahli (hingga 20 Jun 2019)
- v. YBhg. Dato' Wan Mohamad b. Dato' Sheikh Abd. Aziz
Ahli (hingga 31 Mei 2020)
- vi. YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Isahak b. Haron
Ahli
- vii. YBhg. Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin
Ahli

Jawatankuasa ini telah bermesyuarat pada 10 Jun 2020.

Mesyuarat telah membincangkan perkara-perkara berikut:

- i. Cadangan Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Bagi Tahun 2019.
- ii. Cadangan Pergerakan Gaji Tahunan Bagi Tahun 2020.
- iii. Cadangan Pemberian Khidmat Setia Bagi Tahun 2020.

2. JAWATANKUASA PELANTIKAN & PERJAWATAN

Keahlian Jawatankuasa:

- i. YABhg. Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid Pengerusi (hingga 19 Jun 2020)
- ii. YBhg. Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin Ahli (hingga 19 Jun 2020)
- iii. YBhg. Dato' Wan Mohamad b. Dato' Sheikh Abd. Aziz
Ahli (hingga 31 Mei 2020)
- iv. YBhg. Dato' Dr. Abdul Monir b. Yaacob Ahli (hingga 19 Jun 2020)
- v. YBhg. Dato' Dr. Mohd Yusof b. Hj. Othman
Ahli (hingga 19 Jun 2020)

Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak dua (2) kali, iaitu pada 17 Februari 2020 dan 9 Jun 2020.

Mesyuarat telah membincangkan perkara seperti yang berikut:

- i. Cadangan Pelantikan Setiausaha Syarikat.
- ii. Cadangan Pengisian Jawatan Akauntan, Pengarah Pusat Media dan Pengurus Besar, Bahagian Ekonomi & Pemasaran (BEP).

3. JAWATANKUASA PERJAWATAN & KEMAJUAN KERJAYA

Keahlian Jawatankuasa:

- i. YABhg. Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid Pengerusi (mulai 19 Jun 2020)
- ii. YBhg. Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin Ahli
- iii. YBhg. Tan Sri Sheikh Ghazali b. Hj. Abdul Rahman
Ahli
- iv. YBhg. Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin
Ahli

- v. **YBhg. Prof. Dato' Noor Aziah bt. Mohd Awal Ahli**

Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak dua (2) kali, iaitu pada 27 Ogos 2020 dan 3 Disember 2020.

Mesyuarat telah membincangkan perkara seperti yang berikut:

- i. Cadangan Pemangkuhan dan Kenaikan Pangkat, Pelantikan Jawatan Baharu dan Pengisian Jawatan.
- ii. Cadangan Panel Temu Duga.
- iii. Cadangan Penambahbaikan Dokumen Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 – Pelaksanaan Dasar Pemisah (Exit Policy) Bagi Pegawai Berprestasi Rendah.
- iv. Cadangan Pemberian Kenaikan Pergerakan Gaji Tahunan Bagi Tahun 2020.
- v. Cadangan Pelanjutan Tempoh Pinjaman, Pelanjutan Tempoh Pemangkuhan dan Penamatan Tempoh Pemangkuhan.
- vi. Cadangan Temu Duga Berstruktur Bagi Kumpulan Pengurusan & Profesional.
- vii. Cadangan Bayaran Elaun Penanggungan Kerja Kepada Pegawai-Pegawai IKIM.
- viii. Cadangan Membuka Tarawan Pengisian Jawatan Kepada Pihak Luar dan Cadangan Membuka Semula Pengisian Jawatan.

4. JAWATANKUASA KEWANGAN & PELABURAN

Keahlian Jawatankuasa:

- i. **YABhg. Tun Ahmad Sarji b. Abdul Hamid**
Pengerusi (hingga 31 Mei 2020)
- ii. **YBhg. Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah b. Che Othman**
Pengerusi (mulai 1 Jun 2020)
- iii. **YBhg. Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin Ahli**
- iv. **YBhg. Tan Sri Sheikh Ghazali b. Hj. Abdul Rahman Ahli**

- v. **YBhg. Datuk Hj. Ahamed Basheer b. Mohd Hussain Ahli**
- vi. **YBhg. Prof. Dato' Noor Aziah bt. Mohd Awal Ahli**

Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak dua (2) kali, iaitu pada 18 Ogos 2020 dan 7 Disember 2020.

Mesyuarat telah membincangkan perkara seperti yang berikut:

- i. Cadangan Penambahbaikan Pengurusan Hasil Iklan Radio.
- ii. Cadangan Inisiatif-inisiatif Meningkatkan Pendapatan IKIM.
- iii. Cadangan BAJET 2021.
- iv. Laporan Porfolio Pelaburan.

5. JAWATANKUASA AKAUN & AUDIT

Keahlian Jawatankuasa:

- i. **YBhg. Dato' Wan Mohamad b. Dato' Sheikh Abd. Aziz**
Pengerusi (hingga 31 Mei 2019)
- ii. **YBhg. Dato' Dr. Mohd. Yusof b. Hj. Othman**
Pengerusi (mulai 20 Jun 2020)
- iii. **YBhg. Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin Ahli**
- iv. **YBhg. Datuk Sr. Hj. Zakaria b. Hashim Ahli** (hingga 31 Mei 2020)
- v. **YBhg. Dato' Dr. Abdul Monir b. Yaacob Ahli** (mulai 20 Jun 2020)
- vi. **YBhg. Datuk Hj. Ahamed Basheer b. Mohd Hussain Ahli**
- vii. **YBhg. Prof. Dato' Noor Aziah bt. Mohd Awal Ahli**

Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak tiga (3) kali, iaitu pada 18 Februari 2020, 9 Julai 2020 dan 11 Disember 2020.

Mesyuarat telah membincangkan perkara seperti yang berikut:

- i. Pembentangan Pelan Audit oleh Juruaudit Deloitte.
- ii. Pembentangan Laporan Audit.
- iii. Pembentangan Penyata Kewangan 2019.
- iv. Bayaran Pengauditan Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019.
- v. Cadangan Pelantikan Firma Audit Bagi Tahun Perkhidmatan Juru Audit Luar Bagi Penyata Kewangan IKIM.
- vi. Cadangan Penubuhan Jawatankuasa Audit IKIM.

6. JAWATANKUASA TATATERTIB DAN DISIPLIN

Keahlian Jawatankuasa:

- i. **YBhg. Dato' Wan Mohamad b. Dato' Sheikh Abd. Aziz**
Pengerusi (hingga 31 Mei 2020)
- ii. **YBhg. Tan Sri Sheikh Ghazali b. Hj. Abdul Rahman**
Pengerusi (mulai 20 Jun 2020)
- iii. **YBhg. Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin**
Ahli
- iv. **YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Isahak b. Haron**
Ahli
- v. **YBhg. Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin**
Ahli
- vi. **YBhg. Prof. Dato' Noor Aziah bt. Mohd Awal**
Ahli

Jawatankuasa ini hanya bermesyuarat sekiranya terdapat kes tatatertib melibatkan warga kerja IKIM dan pada tahun ini Jawatankuasa ini tidak bermesyuarat kerana tiada kes tatatertib dilaporkan.

7. JAWATANKUASA LEMBAGA TENDER IKIM

Keahlian Jawatankuasa:

- i. **YBhg. Datuk Sr. Zakaria b. Hashim**
Pengerusi (hingga 31 Mei 2020)
- ii. **YBhg. Datu Hj. Misnu bin Hj. Taha**
Pengerusi (mulai 20 Jun 2020)
- iii. **YBhg. Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin**
Ahli
- iv. **YBhg. Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin**
Ahli (mulai 5 September 2019)
- v. **YBhg. Datuk Hj. Ahamed Basheer b. Mohd Hussain**
Ahli (mulai 5 September 2019)
- vi. **YBhg. Ir. Dr. Muhammad Fuad b. Abdullah**
Ahli (mulai 19 Jun 2020)

Jawatankuasa ini akan bermesyuarat sekiranya terdapat keperluan perolehan secara tender dan Jawatankuasa ini tidak bermesyuarat pada tahun ini kerana tiada perolehan secara tender dilakukan pada tahun 2020.

8. JAWATANKUASA LATIHAN

Keahlian Jawatankuasa:

- i. **YBhg. Prof. Dato' Dr. Sidek b. Baba**
Pengerusi (hingga 20 Jun 2019)
- ii. **YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Isahak b. Haron**
Pengerusi (mulai 20 Jun 2020)
- iii. **YBhg. Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin**
Ahli
- iv. **YBhg. Dato' Wan Mohamad b. Dato' Sheikh Abd. Aziz**
Ahli (hingga 31 Mei 2020)
- v. **YBhg. Dato' Dr. Abdul Monir b. Yaacob**
Ahli
- vi. **YBhg. Dato' Dr. Mohd Yusof b. Hj. Othman**
Ahli

Jawatankuasa ini akan bermesyuarat sekiranya terdapat permohonan daripada pegawai IKIM untuk mengikuti program latihan jangka panjang dan latihan jangka sederhana. Memandangkan tiada permohonan diterima pada tahun 2020, Jawatankuasa ini tidak bermesyuarat pada tahun 2020.

9. JAWATANKUASA KERJA PROJEK PEMBANGUNAN BERSEPADU IKIM

Keahlian Jawatankuasa:

- i. YBhg. Datuk Sr. Zakaria b. Hashim Pengerusi (hingga 31 Mei 2020)
- ii. YBhg. Ir. Dr. Muhamad Fuad b. Abdullah Pengerusi (mulai 19 Jun 2020)
- iii. YBhg. Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin Ahli
- iv. YBhg. Dato' Dr. Abdul Monir b. Yaacob Ahli
- v. YBhg. Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin Ahli
- vi. YBhg. Prof. Dato' Noor Aziah bt. Mohd Awal Ahli

Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak dua (2) kali, iaitu pada 24 Julai 2020 dan 4 November 2020. Mesyuarat telah membincangkan perkara seperti yang berikut:

1. Status Tanah IKIM di Bandar Indera Mahkota, Kuantan, Pahang dan cadangan untuk mengadakan projek pembangunan di tanah tersebut.
2. Status Tanah IKIM di Sabah.

10. JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO

Keahlian Jawatankuasa:

- i. YBhg. Dato' Dr. Abdul Monir b. Yaacob Pengerusi
- ii. YBhg. Datuk Dr. Azizan bt. Baharuddin Ahli
- iii. YBhg. Dato' Wan Mohamad b. Dato' Sheikh Abd. Aziz Ahli (hingga 31 Mei 2020)
- iv. YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Isahak b. Haron Ahli (mulai 19 Jun 2020)
- v. YBhg. Dato' Dr. Mohd Yusof b. Hj. Othman Ahli
- vi. YBhg. Datuk Hj. Ahamed Basheer b. Mohd Hussain Ahli
- vii. YBhg. Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah b. Che Othman Ahli (mulai 1 Jun 2020)

Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak tiga (3) kali, iaitu pada 16 Jun 2020, 24 Ogos 2020 dan 4 November 2020. Mesyuarat telah membincangkan perkara seperti yang berikut:

- i. Kedudukan Integriti IKIM.
- ii. Laporan Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko (JKPR).
- iii. Laporan Risiko Covid-19 dan Kesannya Kepada IKIM.
- iv. Laporan Pencapaian Daftar Risiko dan Tahap Risiko IKIM.
- v. Kertas Pertimbangan Dasar Pemisah dan Risiko Dasar Pemisah.

Nota

Nota

Nota
